

SKEMA PERMARKAHAN

SEJARAH KERTAS 1

TAMADUN DUNIA HINGGA TAHUN 1800

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
BERSAMA STPM 2010

ANJURAN BERSAMA :
JABATAN PELAJARAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN
DAN
PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA (PKPSM) KEDAH

Skema soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat

SULIT*

1. SEJAUHMANAKAH REVOLUSI PERTANIAN MENJADI TITIK TOLAK KEPADA KEMUNCULAN TAMADUN AWAL MANUSIA?.

A. PENGENALAN (3 Markah)

1. Latar belakang zaman Neolitik

Sebelum munculnya tamadun, terdapat kelompok-kelompok masyarakat yang berselerak di merata-rata tempat menunjukkan bentuk kebudayaan, kebendaan, dan kerohanian yang berbeza. Semasa **zaman Neolitik**, terdapat perbezaan-perbezaan yang disebabkan oleh percubaan manusia untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran mereka dengan unsur-unsur kehidupan. Kebudayaan Neolitik merupakan tahap terakhir zaman prasejarah dan dianggarkan bermula sekitar 7000 SM. Zaman ini menyaksikan perkembangan kegiatan pertanian dan penternakan binatang yang dikenali sebagai **revolusi pertanian**. Buat pertama kalinya manusia tidak bergantung sepenuhnya kepada persekitaran tetapi sebaliknya, berjaya menguasai persekitaran fizikal untuk memenuhi keperluan ekonomi mereka. Berbanding dengan zaman Paleolitik, manusia Neolitik telah mengubah corak masyarakatnya. Revolusi pertanian telah menyebabkan kehidupan manusia bertambah kompleks dan memberikan satu asas yang kukuh untuk kemunculan masyarakat Bandar yang bertamadun.

2. Konsep tamadun

Gordon Childe, seorang ahli kaji purba Australia mengaitkan tamadun dengan proses perbandaran. Menurutnya, tamadun melambangkan suatu tahap pencapaian manusia dalam proses penyesuaian diri dengan persekitarannya. Pada titik itulah manusia berkumpul di sesuatu pusat yang

dapat memenuhi kehendak mereka iaitu untuk memajukan tahap kehidupan. Interaksi yang berlaku menghasilkan penambahan pengetahuan dan pengalaman yang dapat melengkapinya mereka dengan ***cultural potential*** untuk kehidupan yang lebih sempurna. Pengkhususan kerja berlaku dengan pengeluaran berlebihan. Ciri-ciri tamadun lain turut berkembang seperti sains dan teknologi, kesenian, agama dan sebagainya.

3. Contoh-contoh tamadun awal manusia

B. ISI-ISI PENTING (7 Isi X 3 Markah = 21 Markah)

1. Konsep dan kepentingan revolusi pertanian terhadap kemunculan tamadun.

Revolusi pertanian ialah keupayaan manusia mengawal bekalan makanan dan menawarkannya secara berterusan, penggunaan alat-alat yang khusus untuk pertanian yang lebih baik dan pemilihan jenis tanaman dan ternakan yang sesuai. Kelahiran revolusi pertanian telah memberikan kesan yang besar kepada kehidupan manusia pada zaman Neolitik dan menjadi penyambung kepada permulaan tamadun awal manusia. Kemajuan yang dicapai oleh manusia melalui revolusi pertanian membuka jalan kepada berkembangnya tamadun manusia. Sejak bermulanya kegiatan bercucuk tanam, menternak, dan wujudnya perkampungan, manusia mula membuat pelbagai inovasi untuk membolehkan mereka menguasai alam sekeliling mereka. Kawasan perkampungan pula makin berkembang dan akhirnya sekitar tahun 3000 – 4000 SM, muncul bandar-bandar sebagai pusat kehidupan manusia yang bertamadun.

2. Perubahan corak penempatan masyarakat

Manusia tidak lagi berpindah randah untuk memburu binatang dan mengutip makanan. Corak penempatan adalah lebih menetap dengan penanaman tanaman-tanaman makanan dan memelihara binatang menjadi bertambah penting untuk menampung kehidupan. Ini mungkin ada hubungannya dengan tamatnya zaman air batu apabila binatang-binatang yang biasanya diburu lenyap dengan pengunduran lapisan-lapisan air batu. Iklim yang lebih panas serta kemunculan pelbagai tumbuh-tumbuhan membolehkan manusia mengubah suai ekonomi memburu kepada ekonomi pertanian. Didapati perkembangan penempatan-penempatan kekal dengan perkampungan diwujudkan di kawasan yang tanahnya subur dan berhampiran air yang diperlukan untuk kegiatan pertanian. Pada zaman ini, pertanian, penenunan, dan penternakan binatang yang berguna kepada manusia telah wujud. Masyarakatnya hidup menetap bercorak perkampungan dan manusia dapat berkumpul di sesuatu tempat dan hidup bersama-sama untuk menghadapi cabaran fizikal supaya persekitarannya dapat dikuasai dengan lebih berkesan. Oleh itu, kebudayaan Neolitik menjadikan asas perkembangan tamadun-tamadun yang bersifat urbanisasi.

3. Pertambahan penduduk

Pertambahan penduduk memang mendorong masyarakat Neolitik untuk meneroka kawasan-kawasan baru yang tanahnya subur untuk pertanian. Ahli kaji purba telah membuktikan kebudayaan Neolitik yang tersebar meluas. Tapak-tapak Neolitik telah ditemui di Yunani, Turki, Iran, Syria, Turkestan, Mesir, dan Eropah. Walaupun tapak-tapak itu menunjukkan corak kehidupan yang berbeza-beza tetapi pada asasnya memperoleh ciri-ciri utama yang sama seperti pertanian, memelihara binatang, penggunaan tembikar, membuat rumah, dan kemahiran menenun. Pertambahan penduduk menyebabkan lahirnya keperluan hidup berorganisasi yang akhirnya mendorong kemunculan tamadun awal dunia.

4. Perkembangan dan kemajuan kegiatan ekonomi

Perubahan orientasi ekonomi daripada sara diri kepada komersial. Mereka menyimpan lebih hasil untuk meningkatkan pengeluaran. Proses pertanian dan pengairan yang terdapat di Mesopotamia dan Mesir membawa selangkah lagi kemampuan manusia untuk mengawal air sungai untuk tujuan pertanian secara besar-besaran misalnya tamadun-tamadun awal terletak di tebing sungai besar seperti Nil, Tigris-Euphrates, Indus, dan Hwang Ho. Peningkatan dan kemajuan ekonomi turut mendorong kemunculan tamadun awal dunia kerana kehidupan masyarakat bertambah baik dan kompleks. Contoh-contoh tanaman : gandum, filet, pokok papyrus, dan lain-lain.

5. Kemajuan peralatan dan teknologi

Kebanyakan alat-alat walaupun dibuat daripada batu adalah lebih halus dan juga diubahsuaikan dengan keperluan pertanian. Hal ini menunjukkan manusia Neolitik adalah lebih inovatif dan kreatif. Terdapat tenggala dicipta untuk memudahkan pertanian dan roda untuk mengangkut hasil pertanian. Terusan dan tali air juga dibina untuk mengairi kawasan-kawasan pertanian. Contohnya syaduf, penggunaan baja, dan benih tanaman. Penciptaan roda bukan sahaja mengubah corak pengangkutan dan mempercepatkan perkembangan industri terutamanya industri kerja tangan untuk memenuhi keperluan agama dan sosial. Penggunaan roda sebagai alat industri, barang-barang yang dikeluarkan menjadi seragam dalam bentuknya dan juga dapat dijadikan barang-barang eksport. Roda dapat menggalakkan pertumbuhan perdagangan dengan tamadun-tamadun seperti perdagangan antara Mesir dan Mesopotamia dan juga antara Mesopotamia dengan Mohenjo-Daro.

6. Wujud organisasi sosial

Institusi keluarga yang berasaskan unit pertanian kecil telah wujud dan mempunyai ketua bagi menjamin keselamatan kelompok. Wujudnya organisasi masyarakat membolehkan masyarakat hidup lebih sistematik dan berlakunya pembahagian kerja dan hierarki masyarakat iaitu golongan atasan seperti raja dan golongan bangsawan, golongan pertengahan seperti golongan professional, artisan, pedagang, dan golongan bawahan seperti rakyat biasa dan hamba. Kesannya, masyarakat hidup lebih selesa dan produktif serta mendorong kepada kemunculan tamadun awal manusia.

7. Permulaan pengkhususan kerja

Wujudnya organisasi masyarakat membolehkan pembahagian tugas harian. Golongan wanita terlibat dengan kegiatan pertanian manakala golongan lelaki terlibat dengan kegiatan memburu atau menternak binatang, golongan agama menguruskan urusan agama dan kepercayaan yang berkaitan dengan kuasa semula jadi yang menentukan hasil pertanian dan kebajikan masyarakatnya. Terdapat golongan yang menumpukan urusan penghasilan alat-alat baru pertanian seperti golongan petukang. Pembahagian tugas kerja mempercepat perkembangan masyarakat bertamadun.

8. Perkembangan sistem kepercayaan

Agama berpunca daripada kepercayaan kuasa semula jadi yang menentukan hasil pertanian dan kebajikan masyarakatnya. Kehidupan beragama menyebabkan masyarakat hidup lebih teratur dan sentiasa patuh kepada peraturan hidup. Kesannya, lahirlah masyarakat yang bertamadun dan hidup berperaturan. Contohnya, tamadun Mesir mempercayai bahawa firaun menguasai segala sumber alam semulajadi dan dianggap sebagai anak tuhan matahari (Amon-re).

9. Perkembangan pemikiran secara konseptual

Dapat dilihat dalam ciptaan seninya yang menandakan suatu perkembangan baru. Seni Paleolitik bersifat realisme yang diilhamkan melalui objek-objek nyata atau nampak. Seni Neolitik pula bersifat simbolisme seperti seni dalam penghasilan tembikar yang permukaannya dihias dengan pola-pola geometrik dan simbolik. Pemikiran konseptual mungkin merangkumi nilai-nilai agama yang berkaitan dengan dewa-dewa untuk menjamin hasil pertanian berlipat ganda. Perkembangan ini mendorong kemunculan tamadun awal manusia.

10. Penciptaan sistem tulisan

Penciptaan sistem tulisan menjadi asas kepada kemunculan tamadun dan berlakunya penambahan pengetahuan serta melicinkan pengurusan ekonomi. Tulisan digunakan untuk mencatatkan peristiwa seharian, keagamaan, perdagangan, undang-undang, dan lain-lain.

11. Bentuk muka bumi/lokasi/iklim/tanah-tanah

Kemunculan tamadun turut didorong oleh keadaan bentuk muka bumi, lokasi, iklim, dan tanah-tanah. Sejak zaman Neolitik, masyarakat sudah bijak menyesuaikan diri dengan persekitaran mereka. Mereka memilih petempatan di tepi-tepi sungai, tepi pantai, dan tanah pamah. Pemilihan kawasan lembah-lembah sungai sebagai kawasan petempatan disebabkan kawasan ini sesuai untuk kegiatan pertanian dan penternakan serta perdagangan. Di samping itu, mereka menguasai ilmu tentang iklim dan jenis tanaman.

12. Penghijrahan (Migrasi dan Imigrasi)

Kemunculan dan perkembangan tamadun awal manusia turut didorong oleh penghijrahan iaitu imigrasi dan migrasi penduduk. Mobiliti penduduk berlaku apabila sesuatu kawasan pertanian dan petempatan yang lebih luas diperlukan kesan pertambahan penduduk. Migrasi penduduk turut berlaku akibat kegiatan perdagangan dan kemajuan teknologi pengangkutan seperti roda, layar kapal, kapal layar, dan sebagainya.

13. Tenaga angin

Angin digunakan sebagai punca tenaga yang menghasilkan corak pengangkutan baru dan peranan (wind mills) antara tamadun. Perdagangan jarak jauh menjadi satu kenyataan untuk mendapatkan bahan-bahan mentah bagi keperluan agama, industri, dan pembinaan bangunan serta memperkayakan ciri-ciri kebudayaan, akibat pertukaran fikiran, dan teknik perindustrian.

C. KESIMPULAN (1 Markah)

Apa-apa yang berkaitan.

2. HURAIKAN LANGKAH-LANGKAH YANG DIAMBIL OLEH PEMERINTAH DALAM MENGUKUHKAN EMPAYAR TAMADUN INDIA, CHINA, DAN ROM.

A. PENGENALAN (3 Markah)

Imperialisme dan pembentukan empayar bermula dengan proses penaklukan, penguasaan dan pengawalan. Biasanya, berkait rapat dengan sistem pemerintahan monarki yang kedaulatan dan kuasa politik terletak di tangan maharaja atau raja. Menurut Farmer dalam buku, *Comparative History of Civilizations*, empayar merujuk kepada entiti politik yang menyatukan zon budaya yang luas. Proses perluasan kuasa menyebabkan muncul beberapa empayar seperti empayar Maurya dan Gupta di India, empayar Chin dan Han di China dan empayar Rom di Eropah. Saiz wilayah yang luas ini memerlukan kebijaksanaan pemerintah untuk mengekal dan mengukuhkan empayarnya.

B. ISI-ISI PENTING (7 Isi X 3 Markah = 21 Markah)

Langkah Pemerintah Mengukuhkan Empayar

1. **Perlaksanaan konsep hegemoni**, iaitu penduduk-penduduk yang hidup di dalam empayar itu mengalu-alukan pemerintahannya. Rakyat empayar bersedia menerima sistem pemerintahan itu oleh kerana mereka menghormati kuasanya, undang-undang yang adil, keadaan yang aman dan faedah-faedah yang berpunca daripada itu, sistem kebudayaan yang tinggi serta peluang-peluang ekonomi yang boleh memajukan mutu kehidupan dan kemakmuran mereka. Perlaksanaan hegemoni bermaksud juga memerintah dengan persetujuan daripada rakyat yang taat setia kepada kerajaan mereka. Objektif kerajaan empayar ialah menggalakkan asimilasi dan integrasi rakyat empayar. Contoh yang nyata sekali ialah empayar Rom di mana bangsa-bangsa asing yang dikuasai diberikan kewarganegaraan Rom dan dibenarkan berkhidmat dalam pelbagai peranan dalam pentadbiran Rom dan wilayah-wilayahnya.

2. Menggunakan kekuasaan ketenteraan.

Sekiranya hegemoni tidak berjaya mengekalkan perpaduan, para pemerintah biasanya mentadbirkan empayarnya dengan kekuasaan tentera. Tentera

digerakkan untuk menjamin keamanan empayar dan mengelakkan pemberontakan berlaku. Kuasa tentera sering kali disokong dengan pembinaan pelbagai kemudahan seperti kubu-kubu di Eropah Barat pada zaman feudal dan pembinaan Tembok Besar di negara China. Sistem jalan raya dan pengangkutan juga dimajukan untuk memudahkan pergerakan tentera. Pembinaan jalan raya di Rom telah memudahkan pergerakan tentera Rom ke wilayah-wilayah untuk mematahkan sesuatu pemberontakan di dalam empayar dan juga mempertahankan empayarnya daripada serangan orang-orang Germanic.

3. Pemusatan kuasa kerajaan

Walaupun sesebuah empayar dibahagikan kepada wilayah-wilayah tetapi kuasa kerajaan biasanya terletak di ibu kota empayar. Pemusatan politik adalah selaras dengan pembahagian masyarakat empayar kepada dua kategori, iaitu golongan yang berkuasa dan golongan yang ditakluki. Di pusat pemerintahan jawatan-jawatan yang penting dikuasai oleh golongan atasan yang taat setia kepada maharaja manakala di peringkat wilayah ketua pemerintah adalah wakil dari ibu kota yang dibantu oleh pemimpin-pemimpin tempatan. Semasa pemerintahan Asoka, kestabilan empayar adalah berasaskan penubuhan suatu sistem pentadbiran yang tertakluk kepada pengawalan pusat di Pataliputra. Untuk mendapatkan sokongan yang penuh daripada rakyat, golongan – golongan tertentu diserapkan ke dalam pentadbiran empayar terutamanya di peringkat wilayah dan daerah.

4. Wujudnya sistem birokrasi.

Apabila hal ehwal pentadbiran menjadi lebih kompleks akibat daripada perluasan empayar lagi, maka sebuah birokrasi yang terdiri daripada pelbagai jabatan diwujudkan untuk melicinkan pentadbiran empayar. Penubuhan birokrasi adalah nyata sekali di empayar Rom dan empayar China. Sistem pentadbiran amat penting bagi mengukuhkan cengkaman kuasa kerajaan di seluruh wilayah jajahan takluk. Untuk tujuan tersebut, biasanya sesebuah kerajaan membahagikan empayar kepada wilayah-wilayah yang diperintah oleh gabenor. Kerajaan pusat

melantik pemerintah di peringkat wilayah dan sentiasa mengawasi pegawai-pegawai di wilayah. Contohnya, Maharaja Shih Huang Ti telah membahagikan empayarnya kepada 36 wilayah dan wilayah-wilayah ini ditadbir oleh gabenor tentera.

5. Konsep Kehomogenan Empayar

Hampir kesemua rejim empayar berhasrat menyatukan empayarnya dengan dasardasar untuk memupuk kehomogenan kebudayaan, masyarakat, agama, bahasa, dan ekonominya. Dinasti Han di China. ideologi Confucianisme dijadikan asas untuk menyatukan masyarakat China. Di tamadun Rom, budaya Greco-Roman dianggap sebagai budaya resmi di seluruh empayar.

6. Wujudnya sistem naungan ekonomi. Cth negeri-negeri naungan biasanya membayar ufti atau sebahagian daripada hasil diserahkan kepada pemerintah pusat. Penguatan suatu empayar adalah berasaskan pengawalan dan penghasilan pertanian berlebihan oleh kerana kekuatan empayar bergantung kepada ekonomi pertanian secara besar – besar. Kekayaan dan kemakmuran empayar berpunca daripada pendapatan cukai tanah dan hasil tanaman. Hal ini memainkan peranan yang penting.

7. Kewibawaan pemimpin

Kewibawaan sesebuah empayar bergantung kepada pemimpin yang berwibawa. Pemimpin yang berwibawa dapat mewujudkan kestabilan politik. Ini dapat diwujudkan dengan menggunakan kekuatan tentera. Di samping itu, pemimpin-pemimpin juga memberikan naungan politik kepada pertumbuhan tamadun. Contohnya, Maharaja Shih Huang Ti memberi peluang kepada golongan sarjana yang berminat dengan falsafah Konfucius menjalankan penyelidikan sejarah. Manakal, kerajaan Maurya memberikan naungan politik kepada golongan karyawan untuk bergiat dalam lapangan kesenian dan kesusasteraan.

8. Penyebaran agama

Pemimpin sesebuah empayar juga bertindak menyebarkan fahaman agama ke wilayah-wilayah jajahan takluk khususnya kepada pemimpin yang terikat dengan sesuatu fahaman agama dan ingin membawa perubahan dalam masyarakat. Contohnya, Maharaja Asoka telah mengambil beberapa langkah untuk menyebarkan agama Buddha dalam empayarnya. Selain, mengadakan siri lawatan ke seluruh empayar untuk menyebarkan agama Buddha, baginda juga melantik pegawai-pegawai yang dikenali sebagai Dharma Mahamatra untuk menyebarkan agama Buddha. Selain itu, Asoka telah mempraktikkan dan mengamalkan ajaran-ajaran Buddha dalam kehidupannya dengan menghentikan amalan membunuh binatang dan memakan daging. Hasil usaha dan langkah-langkah tersebut, agama Buddha telah menjadi agama dunia.

9. Kemajuan komunikasi

Kejayaan sesebuah empayar juga bergantung kepada sistem pengangkutan dan komunikasi. Rangkaian jalanraya diperlukan untuk menggerakkan pasukan tentera untuk melicinkan pentadbiran. Hal ini dapat dilihat dalam kerajaan Rom zaman Augustus Caesar. Beliau telah membina jalanraya-jalanraya yang menghubungkan Rom dengan kebanyakan kawasan jajahannya. Ini telah memudahkan pergerakan tentera ke kawasan jajahan untuk mematahkan sebarang kebangkitan untuk mencabar kepimpinan maharaja.

10. Konsep dewaraja / Legitimasi Pemerintah

Para pemerintah cuba menegakkan legitimasi mereka dengan tujuan mendapatkan ketaatsetiaan dan kepatuhan rakyat empayar. Kewibawaan dan kedaulatan raja kian dipertingkatkan melalui upacara agama. Jadi raja adalah bersifat kekudusan dan ia dianggap dewa – dewi, wakil atau bayang tuhan di muka bumi. Misalnya Chandragupta menegakkan kepentingan agama Hinduisme manakala Asoka menggunakan agama Buddha untuk mencipta suatu sistem etika yang dapat menyatukan empayar. Kebesaran dan kemuliaan raja dan pemerintahnya diperkuatkan lagi dengan terlaksana upacara Istana yang kompleks dan juga pembinaan bangunan – bangunan dan monumen – monumen

yang besar dan indah. Ini terbukti dengan pembinaan rumah berhala di India Maurya, dan tembok besar China.

12. Dasar diplomasi – perkahwinan politik.

Para pemerintah juga mengukuhkan sesebuah empayar melalui proses perkahwinan. Umpamanya, ketika Chandragupta II memerintah empayar Gupta, beliau menjalinkan hubungan baik dengan negara-negara jiran melalui perkahwinan. Beliau mengahwini puteri keluarga diraja Naga yang bernama Kuveranaga. Beliau mengahwinkan puterinya Prabavatigupta diraja ini mengukuhkan kedudukan politik kerajaan Gupta kerana kedua-dua kerajaan ini penting untuk kesempatan empayar Gupta.

C. KESIMPULAN (1 Markah)

Apa-apa yang berkaitan

Empayar merupakan entiti politik yang lahir daripada kegiatan ketenteraan yang menyebabkan proses perluasan wilayah. Sebagai unit politik yang merangkumi kawasan yang luas, empayar mempunyai beberapa ciri seperti sistem birokrasi kerajaan pusat yang mantap, kehomogenian budaya, agama dan budaya, kekuatan militer, pelaksanaan hegemoni dan sistem naungan ekonomi. Ciri-ciri ini amat penting dalam memantapkan serta mengukuhkan kedudukan sesebuah empayar dari segi politik, ekonomi dan sosial. Empayar akan mengalami kemerosotan apabila pemerintah gagal mengawal struktur empayar, mengukuhkan pentadbiran pusat, kemerosotan ekonomi dan sistem pertahanan lemah.

3. BINCANGKAN STRATEGI DAN TAKTIK PEPERANGAN YANG DIAMALKAN DALAM TAMADUN INDIA SEBELUM ISLAM DAN TAMADUN ISLAM PADA ZAMAN NABI MUHAMMAD SAW.

A. PENGENALAN (3 Markah)

1. Konsep peperangan

2. Latar belakang peperangan zaman India dan Nabi Muhamad S.A.W

3. Konsep Strategi dan taktik

- a. Strategi melibatkan seni merancang untuk memperdayakan musuh dan kebijaksanaan mengendalikan peperangan. Strategi sebagai ilmu helah atau muslihat untuk mengalahkan musuh atau mencapai sesuatu tujuan.
- b. Strategi peperangan merupakan suatu kempen peperangan yang merangkumi konsep peperangan. Penggunaan kuasa tentera, alat-alat senjata logistik serta banyak unsur peperangan untuk pencapaian objektif ataupun sasaran peperangan dengan berkesan. Strategi sentiasa berubah – ubah mengikut perkembangan baru keadaan geografi, keluasan dan saiz tentera musuh dan iklim.
- c. Strategi adalah suatu seni dan sains peperangan yang kemenangan atau kekalahan bergantung kepada perlaksanaannya. Daripada strategi muncul taktik-taktik peperangan seperti taktik pertahanan, perikatan tentera, penyerangan dan pengepungan. Strategi juga terdorong oleh semangat perjuangan musuh, kekuatan musuh dan keupayaan untuk meneruskan perjuangan. Strategi tertakluk kepada sokongan logistik iaitu termasuk pengangkutan, kemudahan dan perkhidmatan personel.
- d. Taktik pula merupakan tindakan di medan peperangan/pertempuran. Taktik ditakrifkan sebagai cara atau kaedah untuk melaksanakan sesuatu.

Strategi Peperangan semestinya didasarkan objektif – objektif peperangan seperti mempertahankan sesuatu sasaran yang strategik, memperlambatkan kemaraan tentera musuh, mengatasi sesuatu halangan atau memperkukuhkan kedudukannya. Didasarkan juga sasaran jangka masa pendek atau jangka masa panjang dalam konteks perancangan keseluruhan

B. ISI-ISI PENTING (20 Markah)

Strategi Peperangan India. (5 Isi X 2 Markah = 10 Markah)

Sejak Kerajaan Aryanlah tradisi peperangan dan ketenteraan bermula, mereka menganggap peperangan adalah sukan raja dan cara untuk menyelesaikan konflik. Peperangan di India bersifat kelas atau Kasta. Mengikut Sistem Varna penduduk India dikelaskan seperti berikut :

- i. Brahmin ii. Kasytria iii. Vaisya iv. Sudra

1. Strategi Kekuatan ketenteraan

- i. Terdapat empat jenis tentera iaitu tentera bergajah, tentera berkereta kuda (kavalri), tentera berkuda dan infantri.
- ii. Terdapat juga unit-unit seperti tentera laut, pengintip, kumpulan perintis dan komisariat.
- iii. Kereta kuda digunakan secara meluas pada zaman Maurya. Raja-raja India mempunyai angkatan tentera yang besar. Chandragupta Maurya (600,000 orang tentera).

2. Strategi Penggunaan Gajah dalam Pertempuran.

- i. Tentera gajah yang besar digunakan sebagai perisai untuk memecahkan barisan tentera, merobohkan pagar kubu, pintu kota dan benteng pertahanan musuh serta mengangkut dua atau tiga tentera yang lengkap dengan senjata seperti busur dan lembing.

- ii. Penggunaan gajah sebagai hadiah persembahan dan faktor kritikal dalam hubungan diplomasi pemerintah India dengan kuasa luar.

3. Strategi Membina kubu pertahanan.

- i. Pembinaan kubu pertahanan merupakan satu lagi aspek penting ketenteraan India. Umpamanya, sebuah tembok panjang telah dibina di Kota Rajagraha, ibu kota Magadha untuk menghalang musuh.
- ii. Bandar berkubu Durga yang ideal dikelilingi oleh tiga parit. Di dalamnya terdapat kubu yang dilitupi oleh pohon renek berduri dan dikelilingi oleh tembok setinggi 36 kaki dengan banyak menara dan balkoni beratap untuk kegunaan pemanah.

4. Strategi Peperangan berdasarkan Buku Ketenteraan.

Buku 'Arthashastra' karya Kautilya menggariskan empat cara untuk memenangi peperangan:

- i. Memujuk musuh dengan perbincangan serta rasuah.
- ii. Mencetuskan persengketaan dan melancarkan serangan
- iii. Menanamkan benih permusuhan
- iv. Melancarkan perang jika kesemua cara gagal

5. Strategi Penggunaan Perisik

- i. Pada zaman Maharaja Chandragupta Maurya, beliau dipercayai mendengar laporan daripada perisiknya serta memeriksa barisan tenteranya dan kubu-kubunya.
- ii. Organisasi ketenteraan yang baik dan teratur serta Pejabat Peperangan yang sentiasa bersedia membolehkan Dinasti Maurya dapat mengalahkan tentera Greek di bawah Jeneral Seleucus.

6. Kaedah Subversif

Kaedah ini harus digunakan dalam memperlihatkan kemenangan terhadap musuh:

- i. Merasuah dan menghantar pasukan perisik
- ii. Tentera digalakkan berjuang sehingga mati dalam usaha untuk mencapai matlamat spiritual
- iii. Idealisme ini mempengaruhi pemerintahan India seperti Rajput dan Marathas.

7. Penetapan tarikh dan masa untuk peperangan.

- i. Peperangan dikaitkan dengan upacara keagamaan
- ii. Terdapat penetapan tarikh dan masa untuk berperang
- iii. Perkara ini diuruskan oleh ahli astrologi.
- iv. Upacara suci diadakan sebelum peperangan dan askar – askar akan mendengar kata-kata semangat daripada para sami dan raja. Mereka akan diberi galakan dengan janji untuk memberikan harta rampasan dan kekayaan.

Strategi Peperangan Zaman Nabi. (5 Isi X 2 Markah = 10 Markah)

1. Menunggu Musuh

- i. Digunakan oleh nabi Muhammad s.a.w. dalam Perang Badar.
- ii. Cara tentera Islam menunggu kedatangan musuh di tengah medan peperangan dan apabila tentera musuh menghampiri tentera Islam menyerang balas.

2. Al-Saf

- i. Digunakan dalam Perang Badar.
- ii. Cara, tentera dibahagikan kepada 2 barisan; barisan pertama di hadapan bersenjatakan tombak dan perisai manakala barisan kedua bersenjatakan panah dan perisai dan diketuai oleh pemegang bendera.
- iii. Tentera Islam hanya berjumlah 313 orang, musuh 3,000 orang.

3. Menggali Parit

- i. Digunakan oleh Nabi Muhammad s.a.w. dalam Perang al-Ahzab.
- ii. Tentera musuh seramai 10,000 orang, tentera Islam seramai 3,000 orang.
- iii. Parit digali menghalang tentera musuh memasuki kota Madinah.
- iv. Tentera Islam hanya bertahan di dalam kota.
- v. Bantuan angin kencang turut melemahkan pihak musuh.

4. Kepungan

- i. Digunakan sewaktu tentera Islam menyerang kota Taif.
- ii. Tentera Islam mengepung kota ini buat seketika sehingga berjaya memutuskan bekalan makanan.
- iii. Tentera Islam bertindak melancarkan serangan.

5. Membiarkan Musuh Tanpa Dikejar

- i. Dilaksanakan oleh Nabi Muhammad s.a.w. dan diikuti oleh Khulafa' al-Rasyidin.
- ii. Tentera Islam dilarang mengejar/memburu tentera musuh yang berundur.
- iii. Alasannya, tentera Islam hanya bersifat mempertahankan diri daripada serangan dan untuk membuktikan tentera Islam tidak agresif serta mengelakkan tentera Islam diperdaya oleh musuh.

6. Penyamaran

- i. Digunakan sewaktu Perang Khandak.
- ii. Nabi menghantar Naim bin Masud untuk bertindak sebagai musuh Islam dan memecahbelahkan pakatan musyrikin Makkah dan Yahudi.
- iv. Musuh akhirnya tewas.

7. Strategi Risikan

Nabi menghantar kanak-kanak untuk mengetahui bilangan unta disembelih dan Menganggarkan bilangan tentera musuh. Seekor unta mewakili 100 orang. Berdasarkan risikan itu terdapat 9-10 ekor unta yang disembelih. Oleh itu tentera musuh dianggarkan seramai 900-1000 orang.

8. Penggunaan ungun api

Strategi ini digunakan semasa pembukaan Kota Makkah

C. KESIMPULAN (2 Markah)

Apa-apa sahaja yang berkaitan

4. HURAIKAN FAKTOR – FAKTOR UTAMA YANG MEMBAWA KEPADA PERKEMBANGAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA ANTARA TIMUR TENGAH DENGAN TIMUR JAUH.

A. PENGENALAN (3 Markah)

Pada abad pertama masihi, Jalan Sutera telah menghubungkan timur dengan rantau Mediterranean melalui Asia Tengah. Barang-barang mewah seperti sutera dibawa ke Empayar Rom yang pada masa itu merupakan suatu pasaran yang amat penting manakala bulu biri-biri, emas dan perak dibawa ke China untuk golongan gentry (aristokrasi). Perdagangan ini tidak diuruskan secara terus antara Rom dengan China tetapi melalui beberapa kumpulan saudagar daripada Timur Tengah yang berperanan sebagai orang tengah. Terdapat beberapa faktor yang merangsang perkembangan ekonomi di Timur Tengah dan Timur Jauh.

B. ISI-ISI PENTING (5 Isi X 4 Markah = 20 Markah)

1. Kestabilan politik

Keadaan politik pada abad pertama masihi sangat stabil disebabkan kawalan dari empayar Rom. Laut Mediterranean dikawal rapi oleh Rom sehingga Mesir, Syria dan Turki. Pedagang-pedagang Arab mengawal monopoli perdagangan yang menjadi titik permulaan Jalan Sutera ke China.

2. Jalinan perhubungan yang baik

Pada Zaman Kerajaan Abbasiyah banyak terusan dibina untuk memajukan pertanian dan memberi kemudahan kepada rakyat. Banyak jalan darat dibina untuk memajukan perdagangan. Contoh jalan dari Iraq ke utara mengikut pesisir Laut Merah menuju ke Laut Mediterranean, Tunisia dan Maghribi. Laluan

perdagangan antara Teluk Parsi, Merv dan Kandahar dengan Timur Jauh dan Empayar Rom telah merencanakan lagi perkembangan perdagangan antarabangsa. Saudagar-saudagar Arab telah menggunakan tiupan angin monsun untuk belayar antara Aden dengan India.

3.Peranan kerajaan Kushan di India Utara

Saudagar-saudagar India berdagang dengan Rom dan Asia Tengah. Empayar Kushan yang merangkumi benua India Utara, Afghanistan dan bahagian-bahagian Asia Tengah telah menggalakkan perdagangan antara India dengan Timur Tengah. Barang-barang China diimport dari negara China melalui Asia Tengah dan dibawa ke India dan Empayar Rom. Di bawah kerajaan Kushan, saudagar India juga meluaskan perdagangannya melalui jalan laut ke Asia Tenggara.

4.Perluasan Empayar China ke Asia Tengah

Kegiatan perluasan empayar oleh Dinasti Han ke Asia Tengah telah mewujudkan suasana aman untuk menggunakan jalan darat. Jalan darat dari Asia Tengah ke negara China Utara terkawal daripada serangan puak Hsiung Nu. Sistem ufti dimulakan antara kerajaan di Asia Tengah dengan China. Negeri-negeri yang wujud di Asia Tengah dijadikan pusat perdagangan untuk saudagar-saudagar China dan India.

5.Perluasan empayar ke Taklamakan (Asia Tengah)

Perluasan empayar Han ke Taklamakan telah membuka jalan perhubungan negara China dengan negara-negara di Asia Barat. Motif dasar itu bukan sahaja politik tetapi juga ekonomi yang dikaitkan dengan penubuhan system ufti yang sebenarnya merupakan suatu rangka untuk menguruskan perdagangan antarabangsa.

6.Sumbangan tokoh pelayar

Penemuan – penemuan Marco Polo dan Ibnu Battutah telah berjaya meningkatkan pengetahuan geografi sejak Ptolemy. Marco Polo pada kurun ke – 13 Masihi telah menyeberangi Asia Tengah melalui Jalan Sutera sehingga ke Negeri China. Ia berkhidmat dengan Maharaja Kublai Khan selama 17 tahun dan mendapat banyak peluang untuk menyaksikan keadaan sosial dan ekonomi China terutamanya Cambaluc. Kebesaran dan kegemilangan China di bawah pemerintah Mongul adalah tercatat dalam bukunya “The Travels of Morco Polo

C. KESIMPULAN (2 Markah)

Apa-apa sahaja yang berkaitan.

5. “PENDIDIKAN SECARA FORMAL ADALAH SEMATA-MATA UNTUK MELAHIRKAN GOLONGAN CERDIK PANDAI”. BINCANGKAN PERNYATAAN INI DENGAN CONTOH-CONTOH DARIPADA TAMADUN MANUSIA.

A. PENGENALAN (3 Markah)

Pendidikan berbentuk formal berkait rapat dengan pembentukan masyarakat yang kian bertambah kompleks. Berbagai-bagai institusi telah diwujudkan untuk memenuhi keperluan masyarakat dan pemerintahan. Antaranya ialah tempat ibadat, istana, rumah guru, sekolah, kolej, dan university. Walaupun terdapat banyak perbezaan dari segi organisasi dan pelaksanaannya tetapi dapat dikenal pasti beberapa objektif yang menggariskan pembentukannya, iaitu keperluan melahirkan golongan cerdik pandai, keperluan agama, sistem kerajaan dan pemerintahan, masyarakat, dan sebagainya.

B. ISI-ISI PENTING (5 Isi X 4 Markah = 20 Markah)

1. Pendidikan formal untuk melahirkan golongan cerdik pandai

Pendidikan kerap kali dikaitkan dengan golongan yang berprestasi atau berilmu. Objektif pendidikan termasuk untuk melengkapkan seseorang dengan ilmu pengetahuan, melahirkan rakyat yang boleh menulis dan membaca atau golongan *scribes*. Di Yunani misalnya, muncul golongan pendidik profesional yang dikenali sebagai Sophist yang dapat memenuhi aspirasi-aspirasi warganegara Athens untuk menjadi negarawan yang cekap, contoh : Protogaras dan Gorgias.

2. Pendidikan formal untuk kepentingan kerajaan

Pendidikan formal bertujuan untuk memenuhi kepentingan kerajaan demi kepentingan pentadbiran dan birokrasi, penyertaan rakyat dalam proses kerajaan, hal ketaatsetiaan rakyat terhadap raja dan negara. Objektif pendidikan untuk keperluan pentadbiran birokrasi berkait dengan memberikan suatu asas untuk kedudukan kerajaannya serta mengekalkan keharmonian masyarakat dan ketaatsetiaan kepada raja dan negara. Tamadun China misalnya, semasa Dinasti Han dan Tang, fahaman Confucius telah menjadi satu ideologi politik dan asas kurikulum pendidikan China untuk memupuk segolongan elit (scholar-gentry) yang akan menyokong dan memperkukuhkan kedudukan Maharaja China. Pelantikan pegawai-pegawai untuk perkhidmatan birokrasi berasaskan suatu sistem peperiksaan yang berteraskan pendidikan Confucius.

3. Pendidikan formal untuk kepentingan ketenteraan, keselamatan, dan kekuatan negara

Satu contoh yang jelas sekali ialah sistem pendidikan di Sparta. Di Sparta, sistem pendidikan adalah untuk menguatkan kerajaan orang Sparta tulen untuk mengawal orang tawanan (helots) yang dijadikan hamba kepada orang Sparta. Golongan hamba ini amat besar jumlahnya jika dibandingkan dengan penduduk Sparta. Orang Sparta berasa kluatir bahawa helots mengancam mereka dan melakukan pemberontakan. Jadi, pendidikan formal ialah bercorak ketenteraan iaitu kanak-kanak Sparta dikenakan latihan tentera serta dikenakan latihan disiplin yang ketat dan hidup di berek-berek tentera dan berpisah daripada ibu bapa mereka. Latihan tentera merupakan kurikulum utama sistem pendidikan Sparta untuk tujuan melahirkan semangat ketenteraan dan disiplin untuk pertahanan negara kota Sparta daripada ancaman helots.

4. Pendidikan formal untuk kepentingan kewarganegaraan

Fahaman Confucius bertujuan menegakkan hubungan persaudaraan dan sifat kekeluargaan demi kepentingan keharmonian masyarakat China. Masyarakat China terbahagi kepada dua golongan iaitu elit yang berpendidikan (pemerintah) dan golongan bawahan (yang diperintah). Jadi, pendidikan dianggap sebagai kayu ukur hierarki masyarakat China. Pendidikan untuk kewarganegaraan adalah jelas di negara kota Yunani. Perkembangan demokrasi yang memuncak semasa pemerintahan Pericles, sistem pendidikan di negara kota Athens bertujuan untuk mewujudkan hubungan yang lebih erat rakyat Athens dengan institusi-institusi kerajaan di Acropolis Athens supaya rakyat dapat menyertai secara penuh dalam jentera kerajaan yang berasaskan ideologi demokrasi.

5. Pendidikan formal untuk keagamaan

Sejak permulaan masyarakat bertamadun, agama merupakan suatu kuasa yang mempengaruhi pemikiran dan tindakan manusia. Pengendalian ekonomi pertanian dan sistem pemerintahan memang berdasarkan peraturan-peraturan dan upacara-upacara yang berpunca daripada kepercayaan manusia dan agama. Fenomena ini terbukti dengan munculnya segolongan paderi yang berfungsi khusus dengan hal kepentingan agama. Golongan paderi terlibat rapat dengan politik, ekonomi, dan sosial dalam sesuatu masyarakat. Maka, pendidikan formal merupakan satu alat yang membolehkan golongan paderi memenuhi aspirasi mereka dalam hal pengurusan politik dan ekonomi. Di Mesir, para pelajar dididik untuk kerja perkeranian dan perkhidmatan di rumah berhala dan untuk mengukuhkan kedudukan kaum paderi dalam lingkungan politik. Di Mesopotamia pula, kegiatan intelektual dan pendidikan berpusat di perpustakaan yang biasanya terdapat di sebuah kuil besar.

6. Pendidikan formal untuk kepentingan lain

Di samping itu, pendidikan formal bertujuan untuk manusia dan masyarakat (humanism). Pada akhir zaman pertengahan di Eropah Barat, tumpuan utama tertumpu kepada manusia, fakulti-fakultinya, hal ehwal manusia, aspirasi-aspirasi sedunia manusia, dan hal kebajikan. Pendidikan teologi dan keagamaan tidak diterima lagi kerana tidak membayangkan realiti keadaan baru yang berkembang di Eropah khususnya di Itali. Pada masa itu, masyarakat Eropah telah berubah, perdagangan diperluaskan dan kehidupan di bandaraya menjadi lebih signifikan. Kuasa ekonomi dan politik tidak lagi terletak di tangan tuan feudal dan gereja tetapi diambil alih oleh golongan borjuis yang hidup di pusat bandar. Bahasa tempatan telah menggantikan Latin dan suatu sistem pendidikan baru dirasai perlu untuk kepentingan individu, manusia, dan masyarakat.

C. KESIMPULAN (2 Markah)

Apa-apa yang berkaitan.

6. JELASKAN TENTANG PEMIKIRAN AHLI-AHLI FALSAFAH YUNANI.

A. PENGENALAN (3 Markah)

1. Konsep Falsafah

Usaha untuk meningkatkan keilmuan manusia telah diteruskan oleh para cerdik pandai sejak zaman silam lagi. Satu daripada aspek ilmu ialah dalam bidang falsafah. Menambah pengetahuan dan kepandaian dalam pelbagai perkara dan aspek kehidupan merupakan suatu proses yang diberi keutamaan oleh sarjana-sarjana Yunani. Kemunculan ilmu falsafah di Yunani adalah berkait rapat dengan sistem politik negara kota Athens yang mengamalkan sistem demokrasi yang banyak memberi kebebasan kepada golongan intelek sehingga lahirnya ramai ahli falsafah yang berpendapat bahawa pemimpin politik dan sosial mesti terdiri daripada golongan ahli falsafah. Antara ahli-ahli falsafah yang terkenal dalam Tamadun Yunani ialah Socrates, Plato dan Aristotle

2. Latar belakang Yunani

B. ISI-ISI PENTING (3 Isi X 7 Markah = 21 Markah)

Pemikiran Ahli-ahli Falsafah Yunani

1. Socrates

Beliau dianggap sebagai bapa falsafah dan demokrasi Yunani. Socrates menggunakan kaedah bertanya untuk mencari jawapan, pengetahuan dan kebenaran. Segala perkara yang berlaku dalam alam ini harus dibuktikan. Kaedah ini menggalakkan orang ramai menggunakan akal. Persoalan yang dibangkitkan oleh Socrates menyentuh kehidupan manusia dan menanamkan nilai individualisme di jiwa rakyat Athens. Beliau mengajar manusia berkelakuan dan berakhlak baik serta berfikir dengan bijak. Beliau dihukum mati kerana dituduh menafikan dewa dewi dan merosakkan pemikiran golongan muda yang menggunakan kaedahnya iaitu menyampaikan pengetahuan melalui cara menyoal untuk mendapatkan kebenaran.

2. Plato

Plato adalah anak murid Socrates. Beliau telah menubuhkan sebuah sekolah yang bernama Akademi di Athens di mana sekolah itu telah melahirkan ramai ahli falsafah. Menurut beliau, sesuatu kerajaan dan juga kehidupan manusia haruslah berpandukan kepada prinsip-prinsip kebaikan, kemuliaan, keadilan dan kasih sayang. Beliau juga menegaskan bahawa hak yang sama harus diberikan kepada golongan wanita. Plato dalam bukunya ' Republik ' menerangkan tentang struktur kerajaan yang paling baik kepada rakyat dan menekankan bahawa kerajaan yang ideal adalah kerajaan yang dipimpin oleh ahli falsafah. Selain itu, pemerintah harus memberi pendidikan kepada setiap warganegara supaya manusia boleh mempunyai hidup yang baik, sempurna, berbudi dan berdisiplin.

3. Aristotle

Aristotle adalah pengikut Plato yang terkenal dan dikenali sebagai bapa logik. Menurutnya, ilmu pengetahuan dan penyelesaian masalah haruslah diperolehi melalui proses pemerhatian, pengumpulan, penyusunan fakta serta fikiran yang teratur, tepat atau berdasarkan hubungan sebab dan akibat. Beliau

merupakan orang yang pertama memperkenalkan kaedah saintifik dalam mencari kebenaran. Idea dan falsafah Aristotle terkandung dalam bukunya yang berjudul ' Ethics ' dan ' Politik ' .Dalam bukunya Politik, Aristotle menyarankan supaya manusia harus mengamalkan sifat sederhana dalam kehidupan. Menurut Aristotle, kerajaan bercorak demokrasi adalah sistem yang zalim dan menindas kerana mengabaikan perbezaan antara manusia. Bagi beliau, kerajaan yang baik adalah sebuah politik di mana pemerintahannya dijalankan oleh orang ramai yang meliputi ciri-ciri terbaik pemerintahan monarki dan oligarki. Beliau menubuhkan sebuah sekolah bernama Lyceum untuk mengembangkan falsafah dan kajian sainsnya.

C. KESIMPULAN (1 Markah)

Apa saja yang berkaitan

- Sekiranya calon menghuraikan tokoh falsafah Yunani yang lain boleh diterima

7.BINCANGKAN SUMBANGAN AHLI-AHLI PELAYARAN CHINA DAN BARAT DALAM BIDANG PENJELAJAHAN DAN PENEROKAAN.

A. PENGENALAN (3 Markah)

1.Penerokaan bermaksud menyelidik, menjelajah, menjalani, mengharungi dan menghadapi sesuatu. Penjelajahan membawa maksud mengelilingi atau berjalan ke merata-rata tempat atau daerah. Kegiatan penerokaan dan penjelajahan bangsa China dan Eropah telah memberikan banyak sumbangan kepada perkembangan tamadun manusia.

2.Latar belakang penjelajahan dan penerokaan China

3.Latar belakang penjelajahan dan penerokaan Barat.

4.Contoh-contoh tokoh pelayar China.

5.Contoh-contoh tokoh pelayar Barat.

B. ISI-ISI PENTING (20 Markah)

Sumbangan ahli-ahli pelayar China (5 Isi X 2 Markah = 10 Markah)

1. Sumbangan dalam pengembaraan

I-Ching memulakan pengembaraan ke India dengan menaiki sebuah kapal Parsi pada tahun 671M. Dalam perjalanan beliau telah singgah di Fu-Shih (Srivijaya),

Mo-Lo-Yue (Melayu), Ka-Cha (Kedah) dan Lo-Jeng-Ko. Beliau mendarat di Tamralipti yang terletak di pantai Timur pada tahun 673M. Selepas menuntut ilmu di Nalanda, beliau kembali ke China pada tahun 605M. Beliau singgah di Srivijaya dan menetap selama 4 tahun.

2. Mempelajari bahasa Sanskrit dan agama Budha

I-Ching mempelajari nahu, bahasa Sanskrit dan agama Buddha selama setahun di Tan Mo Li Ti daripada seorang pendeta yang bernama Tan Cheng Teng. Menurut I-Ching, terdapat lebih kurang seribu sami Buddha di Srivijaya yang mempelajari ilmu dan ajaran Buddha.

3. Menulis catatan sejarah

I-Ching menulis catatan sejarah tentang Srivijaya, kerajaan Kedah Tua dan Jambi. Beliau merekodkan pengalamannya dalam dua buah buku, iaitu Nan Hai Chi Kuei dan Ta Tang Si Yu yang mengandungi maklumat tentang Srivijaya dan tempat-tempat lain yang dilawati oleh I-Tsing.

4. Mengumpul dan menterjemah kitab-kitab Budha

Beliau mengumpul 4 ribu naskhah kitab suci agama Buddha yang mengandungi 500 ribu seloka agama Buddha yang mengandungi Tripitaka dan menterjemahkan 56 buah kitab suci. Buku-buku tersebut diterbitkan dalam 230 jilid.

5. Meluaskan hubungan perdagangan

Matlamat utama ekspedisi Cheng Ho (Zheng He) ialah meluaskan hubungan perdagangan dengan kerajaan-kerajaan di Asia, menonjolkan kuasa dan pengaruh China ke seluruh pelusuk dunia, mengumpul cukai, mengasaskan koloni wilayah naungan, mengemukakan maklumat tentang wilayah asing dan mendapat bantuan bagi mengatasi serangan Monggol.

6. Merancang ekspedisi

Cheng Ho (Zheng He) merancang dan membangunkan hubungan perdagangan antara China dengan Barat melalui jalan laut serta ekspedisi ke kawasan seperti Kepulauan Melayu, Sri Lanka, Teluk Parsi, Aden, dan pantai Timur Afrika.

7. Menjadi pengiring utusan

Beliau menyertai ekspedisi membawa utusan khas daripada Maharaja China ke negara-negara yang dilawati. Beliau diutus oleh Maharaja Yung Lo untuk mengiringi utusan asing yang kembali ke negara asal, iaitu benua Afrika.

8. Meluaskan pengaruh empayar China

Pada tahun 1405M, beliau memimpin ekspedisi ke Asia Tenggara, khususnya Sumatera, Jawa, Thailand, Tanah Melayu dan Borneo. Beliau telah melawat Melaka pada tahun 1409 dan 1411 dan menyampaikan hadiah berupa cap mohor, persalinan, payung kuning dan kain sutera kepada Sultan Melaka iaitu Parameswara. Beliau juga pernah belayar ke India, Sri Lanka, Kepulauan Maldives, Teluk Parsi, Tanah Arab dan Pantai Timur Afrika. Beliau pernah ke Jeddah, Hormuz dan Pantai Somalia untuk menjual barang-barang seperti tembikar dan sutera serta membeli barang-barang seperti gading gajah dan tanduk badak dari pedagang Arab.

Sumbangan ahli-ahli pelayar Barat (5 Isi X 2 Markah = 10 Markah)

1. Pertapakan Tanah Jajahan Di Amerika Latin, Afrika Dan Asia.

Buat pertama kalinya kuasa – kuasa Eropah telah berjaya memperluaskan kuasa tanah jajahannya di luar Eropah. Di Benua Asia, Portugal telah menubuhkan empayar maritim yang menguasai jalan luar di Lautan Hindi, Asia Tenggara sehingga negeri China.

2. Mempercepatkan Perluasan Perdagangan Barat Ke Asia.

Perdagangan di Asia didominasi oleh Portugal melalui satu jalinan pusat kuasa dan perdagangan di pelabuhan – pelabuhan strategik seperti Socotra, Hormuz, Aden, Goa, Melaka, Moluccas dan Macao. Pada kurun ke – 16, Portugal telah muncul sebagai kuasa perdagangan yang dominan – di Asia Tenggara, di Timur Jauh dengan Jepun dan China dan di Eropah berjaya menggantikan peranan Venice sebagai kuasa perdagangan.

3. Perkembangan Agama Kristian Luar Eropah.

Dari pusat – pusat itu, agama kristian juga tersebar terutamanya oleh golongan Francisian. Penaklukan dan pemerintahan diikuti dengan penyebaran agama Kristian. Melalui Gereja Katholik, unsur – unsur kebudayaan Sepanyol seperti bahasa dan cara kehidupan telah diperkenalkan kepada orang – orang tempatan.

4. Pengaliran Kekayaan Ke Eropah.

Berikutan daripada penjelajahan Columbus, orang – orang Sepanyol mulai menduduki beberapa kawasan di Hindia Barat, iaitu Hispaniola dan cuba dengan bermotif memperolehi tanah untuk pertanian dan emas. Herman Cortes merampas Mexico daripada Aztec. Dataran Tinggi Mexico adalah kaya dengan emas dan sesuai sekali untuk pertanian perladangan. Pada tahun 1531, Pizarro menakluki Peru yang lombong peraknya di Potosi adalah sumber kekayaan kepada Eropah selama tiga kurun. Menjelang 1700 TM, tiga kawasan utama telah diduduki : Mexico, Peru dan Kepulauan Caribbean dan pengendalian ekonominya tertakluk kepada kepentingan Sepanyol.

5. Perpindahan Pusat Perdagangan Ke Eropah Barat.

Pelayar-pelayar Eropah telah merintis laluan perdagangan ke pusat-pusat perdagangan baru. Pusat – pusat perdagangan di Eropah yang dahulunya bertapak di Eropah selatan mulai berpindah ke Eropah Barat, iaitu Lisbon, Bordaux, Liverpool, Bristol dan Amsterdam. Antara barang – barang import ialah makanan dari Amerika Selatan yang dapat menyumbang kepada pertambahan bilangan penduduk di Eropah.

6. Sumbangan Kepada Kelahiran Ekonomi Kapitalisme.

Kekayaan dari koloni – koloni yang mengalir ke Eropah akhirnya memberi sesuatu asas yang kukuh untuk kelahiran ekonomi kapitalisme. Kapitalisme bermula dengan revolusi komersil yang menitik beratkan pasaran eksport, modal persendirian, keuntungan dan penindasan tenaga buruh murah. Pada jangkamasa panjang, penjelajahan dan penerokaan menandakan titik perubahan daripada ekonomi feudal kepada ekonomi kapitalisme.

7. Sumbangan Kepada Kelahiran Penguasaan Pedagang-pedagang Barat dan Kemosotan Pedagang-pedagang Barat

Penguasaan perdagangan di Laut Mediterranean dan Lautan Hindi oleh pedagang Islam telah merosot kesan daripada penerokaan kuasa Eropah terutamanya Portugis.

8. Perubahan Ekologi / Pengenalan Tanaman Baru

Dari segi flora dan fauna dengan beberapa jenis pokok dan binatang dari Asia dan Eropah diperkenalkan ke Amerika Utara dan Selatan dan sebaliknya. Misalnya jagung, tomato, ubi kentang dan ayam.

9. Asimilasi Antara Penjajah Dengan Penduduk Tempatan.

Berlakunya kahwin campur antara penjajah dengan penduduk tempatan contohnya di Amerika Selatan dan Filipina, Bahasa Sepanyol mempengaruhi penduduk tempatan.

10. Peningkatan Ilmu Geografi Dan Teknologi

Sumbangan-sumbangan Marco Polo tercatat dalam bukunya, *The Travels of Marco Polo*. Penulisan Marco Polo ini memberi banyak sumbangan dalam peningkatan ilmu geografi. Penulisan beliau banyak diterjemahkan ke bahasa lain seperti Latin, Sepanyol dan Inggeris. Buku beliau menjadi sumber rujukan dalam pengembaraan bagi kebanyakan negara Eropah khususnya Portugal dan Sepanyol yang menjadi kuasa terawal menjelajah ke luar. Penulisan Marco Polo membawa satu revolusi mental sehingga pemikiran dan perspektif orang Eropah mengalami perubahan mendadak. Maklumat tentang ilmu geografi yang terkandung dalam bukunya digunakan oleh orang eropah untuk menghasilkan peta-peta dunia jauh

lebih baik dan tepat daripada peta yang dihasilkan oleh Ptolemy pada abad pertama.

C. KESIMPULAN (2 Markah)

Apa-apa sahaja yang berkaitan.

8. JELASKAN KONSEP DAN AMALAN KESENIAN DARI PERSPEKTIF BARAT DAN ISLAM.

A. PENGENALAN (3 Markah)

Pengertian Seni.

1.1 Seni ialah sebahagian daripada kebudayaan yang bermaksud indah, halus, lembut, senang diatur, dan menyenangkan sesuatu. Kesenian pula adalah ungkapan rasa halus dan suci yang dimanifestasikan daripada ciptaan manusia dan mempunyai nilai.

1.2 Seni ialah salah satu aspek keilmuan yang mempunyai unsur – unsur kehalusan yang berkaitan dengan sesuatu aktiviti kerja yang mendatangkan faedah kepada manusia.

B. ISI – ISI PENTING. (20 Markah)

Kesenian Barat (5 Isi X 2 Markah = 10 Markah)

1. Konsep Seni Barat

Merangkumi kemahiran, cara, atau kaedah yang berkaitan dengan keindahan dan kehalusan dan mempunyai nilai estetika. Kesenian menekankan apresiasi estetika berbanding dengan kegunaan estetik seperti kecantikan, keindahan.

2. Jenis kesenian

2.1 Muzik, teater, drama, seni bina, kesusasteraan, seni ukir

3. Bidang Kesenian

3.1 Seni halus yang menekankan kecantikan dan curahan perasaan.

3.2 Seni binaan yang merupakan seni bina, perkakas, alat seperti tembikar, pakaian, perhiasan.

4. Ciri Kesenian Barat

4.1 Kecantikan-kemampuan member keselesaan kepada deria.

4.2 Ekspresi – perasaan dan perangai manusia

4.3 Kegunaan

5. Aliran Seni

5.1 Seni untuk seni

a. Orang yang menghasilkan seni mempunyai kebebasan untuk menghasilkan sesuatu yang mempunyai unsur baik dan buruk.

b. Mencipta seni yang tidak difahami oleh orang lain.

c. Menyenangkan diri sendiri

d. Tidak mpedulikan keselesaan orang lain.

- e. Seni individualistik dan egositik.

5.2 Seni untuk masyarakat

- a. Politik
- b. Akhlak

Kesenian Islam (5 Isi X 2 Markah = 10 Markah)

1. Konsep Seni Islam

Konsep kesenian menurut Islam berasaskan konsep tauhid dan pengabdian diri kepada Allah. Kesenian dibentuk untuk melahirkan manusia yang benar baik dan beradab. Motif kesenian bermatlamat perkara-perkara kebaikan dan berakhlak dan merupakan proses pendidikan yang bersifat positif mengikut perpekrif islam iaitu membangunkan akhlak manusia. Semua aktiviti seni mestilah berlandaskan batasan syariat yang telah ditetapkan oleh Islam bagi menjamin ketaqwaan dan penyerahan diri kepada Allah. Kesenian menurut islam adalah merupakan hasil usaha dan buah fikiran umat islam yang boleh menghasilkan keindahan dengan tidak melampaui batas yang ditetapkan oleh syariat.

2. Ciri-ciri Kesenian Islam

- 2.1. Menekankan aspek keindahan yang merangkumi kecantikan, keelokan,
- 2.2 menggembirakan, baik dan tidak terkeluar batas Islam.
- 2.3 Akhlak – bebas daripada nilai negarif, berpaksikan kerdaaan Allah, nilai aqidah,

2.4 syariah dan akhlak.

2.5 kepelbagaian dalam kesatuan

2.6 Bahan – bahan yang digunakan untuk kegiatan seni adalah bahan yang suci.

2.7 Mencipta pelbagai hasil usaha yang terbit daripada kebolehan dan keupayaan manusia mencipta reka sesuatu perkara yang memberi manfaat kepada umat manusia.

2.8 Memberi sumbangan kerja tangan kepada manusia melalui jalan yang direndai Tuhan.

2.9 Melahirkan ahli – ahli seni yang berwibawa, iaitu seni (para seniman) yang berfungsi sebagai salah satu bidang yang sesuai dengan fitrah manusia.

3. Jenis seni Islam:

Kaligrafi,,Seni persuratan.,Seni binaTekstil, permaidani.,Seni suara/bunyi dan seni tampak

4. Aliran seni:

4.1 Seni untuk seni.

4.2 Seni untuk sumber pendapatan.

5. Bidang – bidang seni yang diharuskan oleh Islam, antaranya ialah:

Kaligrafi, Seni bina,Seni tampak,Seni suara dengan beberapa syarat khusus selagi tidak melanggar syarak.

6. Bidang – bidang seni yang diharamkan :

6.1 Seni Muzik contohnya segala bentuk dan persembahan seni masa kini yang tidak mencerminkan sebagai orang Mukmin.

6.2 Mempunyai unsur – unsur negatif dan tidak berakhlak atau bermoral.

6.3. Beri perbandingan antara seni yang dibolehkan dengan seni yang diharamkan.

C. KESIMPULAN. (2 Markah)

Apa sahaja yang berkaitan

9. BANDINGKAN CIRI-CIRI MASYARAKAT ARAB PADA ZAMAN JAHILIYAH DENGAN MASYARAKAT ISLAM PADA ZAMAN NABI MUHAMMAD SAW DI SEMENANJUNG TANAH ARAB.

A. PENGENALAN (3 Markah)

1. Zaman Jahiliyah

Zaman Jahiliyah merujuk kepada masyarakat di Semenanjung Tanah Arab. Mereka hidup pada zaman kegelapan tanpa berpandukan ajaran wahyu dan mengamalkan nilai akhlak yang buruk. Jahiliyah bermaksud jahil atau bodoh berasal daripada perkataan Arab “jahilun”, “jahalatun”. Zaman ini berlaku 300 tahun sebelum kelahiran Nabi Muhammad SAW iaitu bermula daripada kejatuhan empangan Maa’rib sehingga kedatangan Islam.

2. Perkembangan masyarakat Islam zaman Nabi Muhammad saw

Nabi Muhammad saw telah dilantik menjadi rasul semasa baginda berumur 40 tahun. Dakwah Islam berlangsung selama 13 tahun di Mekah dan 10 tahun di Madinah. Selama 23 tahun, Islam telah berkembang dan masyarakat Islam

berjaya dipimpin oleh Nabi Muhammad saw di bawah pentadbiran negara Islam Madinah.

B.ISI-ISI PENTING (5 Isi X 4 Markah = 20 Markah)

1. Kepercayaan

- a) Majoriti masyarakat Arab Jahiliah menganut agama menyembah berhala. Pada asalnya mereka ialah pengikut ajaran Hanif tetapi ajaran ini diselewengkan dengan menganggap berhala sebagai perantaraan antara manusia dengan Tuhan. Pada masa ini Mekah berperanan sebagai pusat penyembahan berhala. Agama lain yang dianuti ialah ajaran animisme, Sabiah, Majusi, Nasrani dan Yahudi. Masyarakat pada masa ini juga terikat dengan kepercayaan karut.
- b) Masyarakat Islam pada zaman ini mempunyai keimanan yang kukuh. Orang Ansar secara rela telah memeluk ajaran Islam. Nabi telah melantik guru-guru agama untuk memperkukuhkan akidah dan amalan mereka. Di samping itu, nabi telah menjalankan dasar kebebasan beragama terutama ke atas masyarakat Yahudi dan mereka diberi kebebasan beribadat. Majoriti golongan Arab Madinah menerima agama Islam.

2. Hubungan masyarakat

- a) Masyarakat Jahiliah hidup terpisah dalam kabilah dan bani masing-masing. Setiap individu mempunyai ketaatan kepada kabilah dan sangat prejudis kepada kabilah yang lain. Semangat ini juga menyebabkan mereka memihak kepada kabilah tanpa mengira sama ada mereka berada dalam keadaan benar atau salah. Ini telah menimbulkan masalah permusuhan antara kabilah berleluasa.

- b) Masyarakat Islam Madinah berjaya membentuk sebuah masyarakat ummah Islamiyah tanpa mengira kaum dan suku. Kesetiaan kepada kaum tidak lagi wujud dan digantikan dengan ikatan persaudaraan Islam. Contohnya, Nabi berjaya mempersaudarakan orang Ansar dengan Muhajirin.

3. Peperangan

- a) Permusuhan antara suku atau kabilah telah membawa peperangan di kalangan masyarakat Arab Jahiliah. Peperangan ini dikenali sebagai Ayyamul Arab. Perang balas dendam sering berlarutan. Contohnya, Perang al- Basus berlarutan selama 40 tahun.
- b) Persaudaraan Islam telah berjaya menamatkan permusuhan di kalangan golongan Ansar iaitu suku Aus dan Khazraj. Sebelum memeluk Islam mereka terlibat dalam peperangan Al- Buath kerana merebut kepimpinan Kota Madinah. Peperangan yang wujud di zaman Islam merupakan satu langkah mempertahankan agama, masyarakat dan Negara Islam daripada ancaman musuh terutama serangan orang Quraisy Mekah dan pengkhianatan orang Yahudi.

4. Kelas masyarakat

- a) Masyarakat Jahiliah mementingkan kelas dalam masyarakat. Golongan bangsawan merupakan golongan tertinggi dan dipandang mulia. Dalam masyarakat Arab Jahiliah amalan perhambaan berlaku secara meluas. Mereka tidak mempunyai hak ke atas diri sendiri. Mereka dikehendaki berkhidmat kepada tuan mereka. Perdagangan hamba berlaku secara meluas. Kekejaman ke atas para hamba berlaku sekiranya para hamba tidak mengikut kehendak mereka.

- b) Dalam masyarakat Islam menitik beratkan konsep persamaan taraf. Semua manusia dianggap sama taraf di sisi Allah. Kemuliaan manusia berdasarkan kepada ketakwaanya kepada Allah. Manusia tidak dibezakan mengikut kekayaan atau pangkat mereka.

5. Kedudukan wanita

- a) Masyarakat Arab Jahiliah memandang rendah kepada golongan wanita. Fungsi mereka hanyalah sebagai alat kepada kaum lelaki. Mereka dianggap sebagai barang dagangan dan ada di kalangan mereka yang kematian suami, menjadi rebutan anak- anak lelaki suami mereka. Keadaan ini menyebabkan suku bani Tamim telah menanam bayi perempuan bagi mengelakkan mereka dipandang rendah.
- b) Nabi mengajar masyarakat Islam di Madinah memandang mulia golongan wanita. Mereka perlu dipelihara maruah dan kebajikan mereka. Kaum wanita memainkan peranan yang sama pentingnya dengan golongan lelaki.

6. Akhlak

- a) Masyarakat Arab Jahiliah mengamalkan nilai akhlak yang buruk seperti berzina, melacur, membunuh, minum arak dan berjudi. Nilai ini telah sebatan dengan kehidupan mereka.
- b) Islam menekankan akhlak mulia. Bermula dengan perjanjian Al- Aqabah 1 masyarakat Madinah berjanji tidak akan menipu, berzina, dan membunuh.

Nabi Berjaya mengikis segala amalan akhlak yang buruk di kalangan orang Islam di Madinah.

7. Politik

- a) Sistem politik dan pentadbiran adalah tidak seragam. Kerajaan yang wujud lebih bersifat monarki dan terletak di bawah kuasa asing seperti Parsi dan Rom. Masyarakat golongan Badwi mengamalkan sistem politik kabilah masing-masing. Sementara itu, masyarakat kota Mekah menjalankan sistem politik kabilah.
- b) Kerajaan Islam Madinah wujud berasaskan perlembagaan Madinah. Undang-undang utama yang digunakan ialah Al- Quran. Segala keputusan negara dilakukan melalui konsep syura. Masjid menjadi institusi yang penting dala kerajaan Madinah.

8. Nilai-nilai positif

Dalam masyarakat Jahiliah terdapat nilai-nilai positif seperti menghormati tetamu, berpegang teguh kepada janji, memberi perlindungan kepada nabi Muhammad SAW. Dalam masyarakat Islam nilai-nilai ini diperkukuhkan selaras dengan nilai-nilai Islam.

9. Pendidikan dan ilmu pengetahuan

Masyarakat Arab Jahiliyah tidak tahu membaca dan menulis. Berdasarkan catatan sejarah, dikatakan hanya 17 orang sahaja yang tahu membaca dan menulis. Masyarakat Arab Jahiliyah tidak dapat membina semula empangan Maarib selepas runtuh. Masyarakat Islam pula menitikberatkan ilmu pengetahuan. Wahyu pertama menekankan aspek membaca atau

mempelajari ilmu pengetahuan. Kesannya, masyarakat Islam lahir sebagai masyarakat yang berilmu pengetahuan.

10. Amalan ekonomi

Amalan ekonomi masyarakat Arab berdasarkan amalan riba, penindasan, dan kezaliman. Mereka sering menindas golongan miskin, menipu dalam sukatan dan timbangan. Masyarakat Islam pula menjalankan perniagaan berlandaskan syarak dengan mengharamkan riba. Sistem zakat dilaksanakan bagi membantu golongan miskin.

11. Identiti masyarakat

Keutamaan pada bangsa ditekankan pada zaman Jahiliah. Pada zaman Islam, ditekankan aspek persaudaraan Islam.

C. KESIMPULAN (2 Markah)

Apa-apa sahaja yang berkaitan.

10. HURAIKAN PEMBAHARUAN-PEMBAHARUAN YANG TELAH DILAKUKAN OLEH KHALIFAH UMAR ABD. AZIZ SEMASA PEMERINTAHANNYA.

A PENGENALAN (3 Markah).

1.Latar belakang Umar Abd Aziz

Merupakan khalifah bani Umayyah yang kelapan. Dilahirkan pada tahun 681M di Kaherah. Beliau menaiki takhta pada tahun 717 M.

Beliau mempunyai darah keturunan Khalifah Umar al-Khattab. Terkenal sebagai seorang yang warak dan patuh kepada ajaran Islam. Beliau telah menghafal al Quran sejak kecil dan mendalami ilmu hadis, sastera dan syair-syair Arab di kota Madinah. Beliau melakukan beberapa pembaharuan dalam pentadbiran dan dasar kerajaan untuk memperbaiki kehidupan masyarakat sepanjang pemerintahan beliau

2.Latar belakang Bani Umaiyyah

B. ISI-ISI PENTING (10 Isi X 2 Markah = 20 Markah)

PEMBAHARUAN UMAR B ABD AZIZ

1. Menghentikan pemberontakan dan kegiatan perang.

Setelah Umar b Abd Aziz dilantik sebagai khalifah, beliau telah mengarahkan supaya semua kegiatan perang, penalukan ke atas golongan bukan Islam dan semua pemberontakan Islam dihentikan. Ia bertujuan untuk menjalin hubungan baik antara semua pihak dan juga memberi peluang rehat untuk tenteranya serta

mewujudkan keamanan. Contohnya golongan pemberontak Khawarij telah menghentikan pemberontakan mereka ke atas Kerajaan Umayyah.

2. Pelantikan Gabenor

Memecat gabenor yang cuai, zalim dan mementingkan diri sendiri akan dipecat. Contohnya Muhammad bin Yusuf (Yaman) dan Yazid Abu Muslim (Afrika Utara). Hanya pegawai yang layak sahaja akan dilantik.

Gabenor yang dilantik perlu mengisytiharkan harta masing-masing. Sekiranya ada kurniaan yang tidak sewajarnya ia harus dikembalikan kepada kerajaan.

3. Menggalakkan proses asimilasi melalui perkahwinan.

Beliau menggalakkan perkahwinan antara orang Arab dengan orang bukan Arab yang bertujuan menghapuskan permusuhan di antara kedua-dua pihak. Selain itu ia bertujuan memujuk orang-orang bukan Islam memeluk Islam. Ini dapat mewujudkan persamaan hak kepada kedua-dua pihak terhadap agama dan negara.

4. Mementingkan keadilan

Hukuman berat seperti hukuman mati akan diadili dengan lebih teliti demi mengelakkan penganiayaan. Segala harta rampasan perang perlu dibahagikan secara adil kepada pihak-pihak yang sepatutnya. Beliau juga menetapkan supaya wang baitulmal tidak digunakan untuk majlis keramaian.

5. Memelihara keadilan sosial

Menghapuskan rasuah dalam jabatan-jabatan keraja demi menjamin keadilan sosial rakyatnya. Tindakan dikenakan terhadap pegawai-pegawai yang zalim terhadap rakyat. Masalah perkauman dalam kalangan pembesar-pembesar Bani Umayyah juga dititikberatkan.

6. Menghapuskan amalan mencaci Ali bin Abi Talib

Beliau menghapuskan amalan pencacian Ali bin Abi Talib dari atas mimbar hari Jumaat. Keluarga Saidina Ali dan orang-orang yang bersimpati dengannya tidak lagi dimusuhi.

7. Cukai tanah (kharaj) atau tanah-tanah yang diperolehi melalui penjajahan.

- Tanah-tanah tersebut menjadi milik bersama orang Islam dan Kerajaan.
- Cukai dikenakan ke atas hasil tanaman
- Tanah Kharaj tidak boleh dijual atau diagihkan.

8. Perbezaan cukai Jizyah dan cukai Kharaj

- Cukai jizyah dikenakan ke atas orang bukan Islam
- Cukai kharaj dikenakan sesiapa yang memiliki tanah tidak kira Islam atau bukan Islam
- Zakat dikenakan ke atas orang Islam sahaja

9. Penghapusan Majlis keramaian

- Untuk mengelak pembaziran

10. Penghapusan cukai-cukai yang membebankan.

Cukai terhadap orang yang telah memeluk Islam telah dihapuskan. Cukai terhadap orang Yahudi sebanyak 2000 dirham dikurangkan kepada 200 dirham. Cukai perniagaan, cukai tanah dan zakat kepada orang-orang Islam bukan Arab.

11. Membina infrastruktur seperti membina saluran air, membuka kebun-kebun baru dan membina jalan-jalan untuk pengangkutan perdagangan

12. Memperkenalkan peraturan sukatan timbangan bagi mengatasi masalah kemiskinan rakyatnya

13. Menggalakkan aktiviti keilmuan.

Para ulama diarahkan agar mengembangkan ilmu masing-masing dan diberi perhatian oleh kerajaan. Antara ilmu-ilmu yang dimajukan adalah kajian hadis, ilmu tatabahasa dan perubatan.

14. Mengembalikan konsep musyawarah

15. Mengembalikan sifat zuhud pemimpin dengan mengamalkan cara hidup seperti rakyat biasa

C KESIMPULAN (2 Markah)

Apa-apa sahaja yang berkaitan

11. SEJAUH MANAKAH KEPIMPINAN NABI MUHAMMAD SAW MENJADI FAKTOR UTAMA KEJAYAAN TENTERA DALAM SIRI PEPERANGAN PADA ZAMAN BAGINDA.

A. PENGENALAN (3 Markah)

1. Konsep jihad dan sejarah ketenteraan zaman Nabi Muhammad s.a.w

2. Latar belakang Nabi Muhammad s.a.w dalam bidang ketenteraan.

3. Ketokohan Nabi Muhammad s.a.w sebagai pemimpin bermula dengan penghijrahannya ke Madinah apabila dilantik sebagai ketua negara . Ketokohan Nabi Muhammad s.a.w dalam ketenteraan dapat dilihat dalam peperangan-peperangan yang disertai oleh baginda

B. ISI-ISI PENTING (7 Isi X 3 Markah = 21 Markah)

1. Akidah Rasulullah

Keyakinan yang tinggi terhadap keesaan Allah, para sahabat tidak gentar menghadapi musuh. Ia merupakan kekuatan spiritual dan perjuangan asas para sahabat untuk mempertahankan agama Islam pada peringkat awal. Baginda memastikan pengikut baginda tetap dengan pendirian dan tidak gentar walaupun jumlah musuh jauh lebih besar dan mempunyai kelengkapan yang lebih baik seperti yang berlaku dalam perang Badar.

2. Perancang strategi yang unggul

Nabi amat pintar dalam mengatur strategi peperangan seperti dalam perang Badar baginda menggunakan taktik tunggu dan lihat, dalam perang Khandak menggunakan taktik menggali parit dan bertahan manakala dalam perang Uhud baginda menetapkan kedudukan pemanah di atas bukit.

3. Sifat mulia

Rasulullah s.a.w sememangnya mempunyai sifat mulia yang tiada tolok bandingnya sesuai dengan gelaran al Amin. Sifat ini baginda aplikasikan di medan perang contohnya, baginda enggan menjatuhkan hukuman yang tergesa-gesa ke atas tawanan Badar. Baginda memulangkan harta benda musuh dalam perang Hunayn dan Tabuk.

4. Amanah

Baginda melaksanakan amanah Allah. Andainya Islam kalah baginda tetap tidak berganjak dari perjuangan. Kekalahan tidak melemahkan semangat baginda dan terus berjuang menghadapi musuh.

5. Prinsip musyawarah

Rasulullah menghidupkan prinsip musyawarah di medan perang dengan membuka peluang kepada rakyat memberi idea untuk menangani tentera musuh, misalnya idea menggali parit yang dikemukakan oleh Salman Al Farisi ketika menangani tentera musuh dalam perang Ahzab .

6. Berfikiran kritis

Pemikiran kritis Rasulullah s.a.w dapat dilihat semasa Perjanjian Hudaibiyah. Walaupun pada peringkat awal sahabat nabi menentang perjanjian ini, nabi telah menjangkakan kemenangan pada masa akan datang. Hal ini terbukti apabila pihak Quraisy mencabul perjanjian menyebabkan Rasulullah s.a.w bertindak membuka kota Makkah.

7. Berdisiplin dalam peperangan

Contohnya mematuhi pengharaman bulan-bulan yang diharamkan berperang seperti bulan Zulhijjah.

8. Beretika dalam peperangan

Baginda dan para sahabat bertindak mengikut batas-batas yang ditetapkan. Tidak memerangi golongan tua dan lemah, kanak-kanak, orang yang tidak bersenjata, tidak memusnahkan harta benda seperti bangunan dan tanaman dan tidak mengejar musuh yang lari dari perang.

9. Pertolongan Allah

Tentera-tentera Allah seperti dalam perang Badar tentera Islam mendapat pertolongan daripada malaikat, perang Khandak Allah mengirinkan tentera dalam rebut pasir

10. Menerapkan Semangat Jihad

Perjuangan Islam ialah untuk menegakkan kalimah Allah SWT dan menjanjikan syurga kepada para syuhada seperti Hanzalah

C. KESIMPULAN (1 Markah)

Apa-apa sahaja yang berkaitan

12.BINCANGKAN SUMBER-SUMBER EKONOMI ISLAM PADA ZAMAN NABI MUHAMMAD SAW SEHINGGA ZAMAN BANI ABBASIYYAH.

A. PENGENALAN (3 Markah)

1. Pada 622 M Nabi Muhammad berhijrah ke Madinah kesan daripada Perjanjian Al- Aqabah 1 dan Al- Aqabah 2 dengan golongan Arab Madinah iaitu suku kaum Aus dan Khazraj. Kedatangan Nabi dan golongan Muhajirin disambut baik oleh Masyarakat Madinah.
2. Melalui Perjanjian Madinah, Rasulullah telah dilantik sebagai ketua negara bagi memimpin masyarakat Madinah yang terdiri daripada pelbagai kaum dan Madinah merupakan Negara Islam yang pertama.
3. Sebagai pemimpin negara, Rasulullah telah menjalankan pentadbiran negara, membangunkan ekonomi dan sosial di Madinah. Dari sudut ekonomi, Rasulullah telah memberi tumpuan untuk menghapuskan jurang ekonomi masyarakat Madinah dan pembangunan ekonomi selaras dengan tuntutan agama Islam.
4. Latar belakang pemerintahan Islam pada zaman Nabi Muhammad hingga zaman Abbasiyah.

*Segala perkara yang berkaitan dengan pemerintahan Nabi Muhammad SAW di Madinah hingga zaman Abbasiyah diterima sebagai isi pendahuluan.

5. Konsep Ekonomi Islam.

B.ISI-ISI PENTING (7 Isi X 3 Markah = 21 Markah)

1. Derma (sedekah)

Derma merupakan sumber pendapatan negara yang terpenting terutama di awal penubuhan negara Islam. Sumbangan derma dilakukan oleh masyarakat Madinah yang kaya dan berharta. Ianya dalam bentuk sumbangan keperluan asas seperti pakaian dan makanan, wang dan harta tanah. Derma dan sumbangan ikhlas golongan Ansar telah dapat menyelesaikan masalah kemiskinan golongan Muhajirin yang berhijrah ke Madinah tanpa membawa sebarang harta benda. Orang Ansar telah berkongsi harta mereka (rumah, kebun, dan dusun) dengan saudara mereka golongan Muhajirin. Derma juga penting untuk membolehkan Rasulullah memperkukuhkan kedudukan tentera Islam. Contohnya, dalam peperangan Khandak, Saad bin Ubadah menderma kurma kepada tentera Islam. Usman bin Affan, Abu Bakar, Talhah bin Ubaidullah telah menderma wang untuk memperkukuhkan tentera Islam dalam perang Tabuk. Selain itu, orang Islam juga telah mewakafkan tanah mereka untuk kepentingan masyarakat dan agama. Kulthum bin al-Hinn telah menyerahkan tanahnya untuk membina masjid Quba'. Derma dan sedekah ini berterusan **sehingga zaman Abbasiyah.**

2. Harta rampasan perang (Ghanimah dan Fai')

Kekalahan musuh dalam siri peperangan dengan tentera Islam telah menghasilkan pendapatan negara dalam bentuk hasil rampasan perang. Harta tersebut ditinggalkan oleh pihak musuh yang menyerang tentera Islam. Bentuk rampasan perang ialah bekalan makanan, senjata, binatang ternakan dan barang perniagaan yang dibawa oleh pihak musuh. Dalam peperangan Badar, tentera Islam berjaya mendapat rampasan seperti unta, tikar, kulit, dan pakaian. Dalam perang Khaibar tentera Islam berjaya mendapat harta rampasan perang yang besar iaitu dianggarkan 9500 dinar dalam bentuk senjata, unta, emas dan kekayaan lain. Setiap harta rampasan perang

dibahagi kepada lima bahagian. Satu bahagian diserahkan kepada tabung negara dan empat bahagian diagihkan kepada tentera Islam yang menyertai peperangan tersebut. Walaupun hasil rampasan perang tidak besar tetapi ianya penting sebagai pendapatan negara dan sumbangan tentera Islam yang menyertai perang secara sukarela dan tidak dibayar gaji. Ianya dapat mengurangkan bebanan ekonomi masyarakat Islam. Harta rampasan perang dan fai' terus menjadi sumber pendapatan negara **Islam hingga zaman Abbasiyah.**

3. Hartanah yang ditinggalkan oleh musuh

Pada zaman Rasulullah hartanah tanah kebanyakannya yang dimiliki oleh orang Yahudi yang tinggal di Madinah. Bani Qainuqa memiliki pasar, rumah, dan kedai. Bani Nadir dan Bani Quraizah memiliki ladang yang luas terutama di Khaibar. Tindakan orang Yahudi melanggar perlembagaan Madinah menyebabkan mereka diusir keluar daripada kota Madinah dan harta milik mereka ditinggalkan sebagai harta rampasan. Hartanah ini membolehkan Rasulullah mengagihkannya kepada masyarakat di Madinah bagi mengurangkan jurang ekonomi dengan persetujuan golongan Ansar dan Muhajirin. Rasulullah telah mengagihkan sebahagian daripada hartanah Bani Nadir kepada dua orang Ansar yang miskin dan orang Muhajirin. Sementara itu dusun di Khaibar merupakan tanah yang dimiliki oleh petani asal dengan syarat menyerahkan sebahagian hasilnya kepada kerajaan.

4. Tebusan tawanan perang

Sumber pendapatan negara juga diperoleh daripada hasil tebusan tawanan perang. Dalam perang Badar, menurut Ibnu Ishaq, 20 orang tawanan perang telah membayar 75000 dirham. Dalam peperangan orang Islam menentang Bani al-Mustaliq berjaya mendapat tebusan tawanan perang. Tebusan tawanan perang disyaratkan satu daripada lima bahagian diserahkan sebagai khumus kepada negara dan selebihnya kepada tentera Islam. Wang tebusan

tersebut digunakan oleh Rasulullah untuk memperkukuhkan tentera Islam (kelengkapan perang). Pendapatan daripada tawanan perang berterusan **sehingga zaman Abbasiyah**. Pada tahun 989 M, perbendaharaan negara dikatakan telah bertambah melalui tawanan perang. Khalifah pada masa itu ialah al-Qadir. Beliau telah memenangi peperangan Turki, Wasit, dan Basrah. Dengan itu, beliau telah memperoleh harta rampasan perang yang banyak.

5. Jizyah

Jizyah sejenis cukai yang hanya dikenakan kepada lelaki non-muslim sahaja. Golongan pertama membayar jizyah kepada **Rasulullah** ialah penduduk Taima' pada tahun 7 H. Orang Yahudi Taima' bersetuju membawa jizyah sebagai perlindungan keselamatan dan harta benda mereka. Selain itu, jizyah juga dibayar oleh penduduk bukan Islam di Najran, Harba, dan Azruh. Kadar jizyah dibayar oleh kebanyakan mereka adalah satu dinar. Contohnya, 300 orang penduduk Ailan telah membayar 300 dinar untuk setahun. Pembayaran jizyah ke atas negara Islam di Madinah menunjukkan masyarakat bukan Islam di Semenanjung Tanah Arab telah mengiktiraf kepimpinan Nabi Muhammad dan negara Islam Madinah. Orang Yahudi sebelum ini berusaha untuk menentang kerajaan Islam terpaksa meminta perlindungan dari kerajaan Islam. Pendapatan dari cukai jizyah juga membolehkan nabi membangunkan masyarakat Islam di Madinah. Pada zaman **Khulafa al-Rasyidin**, pelaksanaan Jizyah diteruskan. Pada zaman Khalifah Abu Bakar al-Siddiq, beliau telah menghantar beberapa ekspedisi ketenteraan ke kawasan Iraq dan Syria di bawah pimpinan Khawalid al-Walid dan Panglima al-Qu'qa bagi menyaingi kekuatan kerajaan Parsi dan Byzantine (Rom). Pemimpin Hirah yang tidak memeluk Islam telah bersetuju untuk membayar jizyah kepada kerajaan Islam Madinah setelah diberi tiga pilihan iaitu memeluk Islam, diperangi atau membayar jizyah. Kadar jizyah yang dibayar ialah sebanyak 19 ribu dirham setahun dan dibayar terus kepada kerajaan Islam Madinah. Pada masa pemerintahan Khalifah Umar al-Khattab pula, gabenor-gabenor wilayah

telah dilantik untuk melaksanakan jizyah ke atas wilayah masing-masing. Antara kawasan penting yang telah dapat dikuasai pada zaman beliau ialah Palestin, Iraq, Mesir, Syria. Wilayah-wilayah ini dikehendaki membayar jizyah. Pemerintah Byzantine yang memerintah Baitul Maqdis telah menandatangani perjanjian damai dengan kerajaan Islam di bawah pimpinan Khalifah Umar al-Khattab. Pada **zaman Umaiyyah** terutamanya pada zaman Muawiyah, terdapat Diwan al-Kharaj (Jabatan Keawangan) yang berfungsi menguruskan cukai termasuklah jizyah. Semasa pemerintahan Khalifah Abdul Malik bin Marwan, jizyah telah dikenakan bukan sahaja terhadap orang bukan Islam, malah masyarakat Islam yang bukan keturunan Arab juga turut dikenakan dengan alasan mereka memeluk Islam bukan kerana ikhlas dan jujur sebaliknya untuk mengelakkan daripada membayar jizyah. Hanya Umar Abdul Aziz sahaja masalah ini diatasi. Seterusnya, pada **zaman Abbasiyah**, diskriminasi Arab dan bukan Arab telah dihapuskan dan orang Islam tidak dikenakan cukai jizyah.

6. Zakat

Pada tahun 2 H, zakat diwajibkan ke atas orang Islam. Zakat dibahagikan kepada dua jenis iaitu zakat harta dan zakat fitrah. Zakat harta merupakan pembayaran ke atas harta apabila sampai nisabnya dan genap setahun. Zakat fitrah diwajibkan oleh **Rasulullah** di bulan Ramadhan dengan kadar yang ditetapkan ke atas makanan ruji kepada golongan yang berhak. Zakat diberikan kepada golongan yang berhak menerimanya dari hukum syarak. Zakat harta benda termasuklah hasil pertanian, binatang ternakan tertentu, keuntungan perniagaan, emas dan perak. Selain daripada menandakan keimanan seseorang, zakat juga memberi kesan ekonomi dan sosial ke atas masyarakat Islam. Ianya dapat mengurangkan jurang kekayaan dan membantu golongan yang miskin dan berada dalam kesulitan. Selain daripada kerajaan, masyarakat Islam juga berperanan dalam bidang ekonomi dan

sosial. Mengikis sifat bakhil, dan menyucikan harta. Zakat terus dilaksanakan sebagai kewajiban ke atas umat Islam **hingga zaman Abbasiyah.**

7. Kharaj

Kharaj merupakan cukai yang dikenakan ke atas tanah yang ditakluki sama ada secara rundingan ataupun peperangan. Sistem kharaj telah **diperkenalkan oleh Khalifah Umar al-Khattab** setelah mendapat nasihat daripada para sahabat terutama Saidina Ali. Pelaksanaan kharaj dilakukan secara adil dan mengikut prinsip Islam. Tanah yang ditakluki di Iraq pada zaman Khalifah al-Rasyidin misalnya dibahagikan kepada dua jenis iaitu tanah bertuan dan tidak bertuan. Tanah bertuan tidak dikenakan cukai sekiranya pemilik tanah tersebut memeluk Islam. Pada zaman Umar al-Khattab, Kharaj dibahagikan kepada kharaj *wazifah* dan kharaj *muqasamah*. Pelaksanaan **kharaj diteruskan pada zaman Umaiyah dan Abbasiyah** kerana kawasan tanah jajahan Islam semakin berkembang. Diwan al-Kharaj yang wujud pada zaman Muawiyah merupakan badan kewangan yang menguruskan pengutipan cukai seperti kharaj.

8. Usyur

Usyur ialah cukai yang dikenakan ke atas peniaga yang memperoleh pendapatan melebihi nisab sebanyak 200 dirham. Peniaga Islam dan bukan Islam dikehendaki membayar cukai usyur ini mengikut kadar yang ditetapkan oleh khalifah. Peniaga kafir harbi yang tidak menandatangani perjanjian perdagangan dengan kerajaan Islam dikenakan usyur 10 peratus, kafir dhimmi 5 peratus, dan peniaga Islam sebanyak 2.5 peratus. Usyur dilaksanakan sejak zaman Khulafa al-Rasyidin dan **diteruskan pada zaman Umaiyah dan Abbasiyah.**

9. Sumber-sumber lain

Pendapatan negara Islam turut diperoleh daripada sumber-sumber lain seperti sedekah, wakaf, harta karun, harta rampasan daripada pegawai kerajaan yang dilantik tetapi didapati menyalahguna kuasa mengumpul harta dan disahkan benar selepas siasatan dijalankan.

C. KESIMPULAN (1 Markah)

Apa sahaja yang berkaitan

13.BINCANGKAN MATLAMAT DAN PRINSIP-PRINSIP PENDIDIKAN ISLAM SERTA HURAIKAN SEJARAH PERKEMBANGAN SISTEM PENDIDIKAN ISLAM DI TIMUR TENGAH.

A.PENGENALAN. (3 Markah)

1. Pendidikan Islam adalah wahana terpenting untuk meneruskan kesinambungan budaya dan tradisi keilmuan Islam di dalam sesebuah masyarakat.
2. Pendidikan Islam amat berharga kerana ia boleh mempengaruhi pembentukan generasi Islam yang akan datang.
3. Institusi pendidikan Islam bermula di rumah dan masjid – masjid pada awal Islam, kemudiannya ditubuhkan baitul – ‘ilm, al – Madrasah al – Baihaqiyyah di Naisabur dan Madrasah Nizammiyyah di Baghdad pada tahun 1067 M

sebagai institusi pendidikan pengajian tinggi Islam ialah dengan tertubuhnya Universiti Al – Azhar pada tahun 359 H/970M.

4. Terpengaruh dari sistem pendidikan Islam di Timur Tengah, pengajian berbentuk halaqah, pondok dan pesantren di Alam Melayu.

A. ISI-ISI PENTING

Matlamat (2 Markah)

Prinsip (4 Markah)

Perkembangan (14 Markah)

1. Matlamat

Bertujuan untuk melahirkan insane yang bertaqwa hasil daripada hubungan dengan tuhan, manusia, dan makhluk-makhluk ciptaanNya. Justeru, objektif pendidikan Islam lebih bersepadu meliputi alam dan penciptaNya

2. Antara prinsip – prinsip pendidikan Islam ialah untuk :

- a. memahami penciptaan manusia dan makhluk seluruhnya iaitu mengenal Allah sebagai pencipta dan yang diakui semuanya adalah makhluk Allah.
- b. Memahami sumber ilmu yang diakui sebahagian benar dalam Islam.
- c. Memahami martabat Ilmu dalam Islam.
- d. Menjurus kepada pembinaan tiga fakulti manusia iaitu akal (minda) roh (kerohanian) dan Jasad (Jasmani) dalam pengisian Ilmu.
- e. Memiliki dan mengembangkan ilmu berasaskan kepada tauhid.

Menurut Ibnu Khaldun, antara matlamat pendidikan Islam ialah:

- a. Mempersiapkan seseorang dari segi keagamaan, iaitu mengajarnya syair –

syair agama menerusi Al – Quran dan al – Sunnah. Melalui kaedah sedemikian potensi iman dapat diperkuatkan, sebagaimana halnya dengan potensi – potensi lain sekiranya telah menjadi darah daging ia boleh menjadi fitrah.

- b. Memperlengkapkan akhlak manusia.
- c. Memperlengkapkan sosio – budaya manusia.
- d. Memperlengkapkan seseorang dengan asas kemahiran profesional atau pekerjaan.
- e. Memepertingkatkan daya pemikiran seseorang kerana tahap pemilihan yang tinggi seseorang itu dapat membuat berbagai – bagai pekerjaan dan menambahkan lagi daya kreativitinya.
- f. Membekalkan seseorang dengan kemahiran kesenian, termasuk muzik, syair, khat, seni bina dan lain – lain lagi.

3. Sejarah Perkembangan Sistem pendidikan Islam.

- a. Pada zaman awal Islam, pendidikan agama disampaikan di rumah – rumah perseorangan. Rasulullah s.a.w menjadikan rumah Al – Arqam bin Abi al – Arqam sebagai tempat belajar, selain sebagai markaz dakwah. Di rumah ini, baginda menyampaikan dasar – dasar agama Islam dan pengajian Al – Quran. Disamping rumah al – Arqam, baginda menyampaikan pendidikan agama di rumahnya sendiri sebagai tempat kaum muslimin berhimpun mempelajari akidah dan syariah Islam. Dar al – Arqam adalah sekolah pertama dalam Islam, manakala Rasulullah s.a.w sebagai guru dan pendidik pertama.
- b. Selepas Rasulullah s.a.w berhijrah ke Madinah pada tahun 622 `M, masjid – masjid didirikan sebagai rumah ibadat dan penyebaran Islam. Di Madinah, Rasulullah s.a.w menjadikan masjid Nabawi sebagai tempat belajar. Struktur pengajian di masjid Nabawi tidak formal. Kemudian serambi yang diberikan nama al – suffah didirikan mengajar

umat Islam memahami agama Islam secara formal, di samping melatih beberapa orang sahabat terkemuka untuk menjadi guru mengajar pelbagai mata pelajaran. Antara guru yang dilantik mengajar al – Suffah ialah Abdullah bin Rawahah, Ubadah bin Samit dan Ubaidah al – Jarrah. Antara mata pelajaran yang diajar di situ ialah Al – Quran, akidah Islam, hukum Islam, seni khat, sejarah, menunggang kuda, memanah dan bahasa asing. Pengetahuan yang diajar di sini merangkumi pendidikan rohani dan jasmani.

- c. Pada zaman kerajaan Bani Umaiyyah, para sahabat dan Tabiin pula telah membuka banyak pusat pengajian Islam di masjid – masjid di seluruh negara Islam. Mata pelajaran yang diajar ialah ilmu Tafsir, hadis, Fiqh, Bahasa dan kesusasteraan Arab dan lain – lain.
- d. Pada zaman kerajaan Abbasiyyah, perkembangan pendidikan telah mencapai kemajuan yang paling tinggi dalam pengajian Islam. Selain masjid didirikan juga pusat – pusat pendidikan yang lain untuk mempelajari ilmu agama dan ilmu – ilmu lain seperti sains, matematik, kimia, fizik, astronomi, logik, falsafah, bahasa kesusasteraan arab dan lain – lain lagi. Kursus pengajian dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu permulaan, menengah dan pengkhususan (kepakaran).
- e. Institusi pendidikan bermula di peringkat kuttab (pondok) didirikan sebagai institusi pengajiannya. Institusi ini menyediakan pendidikan kepada kanak – kanak. Kuttab ada didirikan bersambungan dengan masjid dan ada juga berasingan di seluruh negara. Antara matapelajaran yang diajar di kuttab ialah al – Quran, al – Hadis, khat, tatabahasa Arab, kesusasteraan dan sejarah.

Perkembangan pendidikan Islam melalui sistem persekolahan bermula pada akhir abad keempat Hijrah setelah penduduk Naisabur menubuhkan al –

madrasah al Bahaqiyyah, kemudiannya diikuti oleh Nizam al – Muluk (M 485H) yang mendirikan institusi Nizammiyyah di Naisabur dan Baghdad. Kerajaan Ayyubiyyah dan Mamalik kemudiannya menubuhkan sekolah – sekolah di seluruh daerah yang ditakluki mereka.

- a. **Baitul Hikmah** : perpustakaan terawal ini dibina oleh Harun al - Rashid. Abdullah al–Syuibi telah dilantik menjadi penterjemah buku bagi al–Rasyid dan al – Ma’mun di Baitul Hikmah dan Abu Sahl al – Fadl bin Nawbakht pula dilantik sebagai penterjemah buku di bawah al – Rashid di perpustakaan ini. Di sinilah terdapat pelbagai koleksi buku di dalam berbagai – bagai bidang ilmu.
- b. **Perpustakaan Haidani.** : di Najaf, terletak berhampiran perkuburan Khalifah Ali bin Abi Talib yang masih ada hingga sekarang.
- c. **Perpustakaan Abu Ali bin Sawwar di Basrah** : sebuah lagi perpustakaan Abu Ali ialah di Ram Hurmuz. Seorang ulama juga dilantik di perpustakaan ini untuk mengajar ilmu agama.
- d. **Khizanat sabur (Dar al – ‘Ilm)** pula didirikan oleh Abu Nasr Sabur bin Ardasyir (M. 416 H) pada 381 H di Baghdad. Beliau adalah Perdana Menteri kerajaan Buwaih. Terdapat seratus naskhah al – Quran yang ditulis oleh Banu Muqlah dan sebanyak 10,400 jilid buku yang ditulis tangan disimpan di sini.
- e. Perpustakaan sekolah juga terdapat di sekolah Nizammiyyah di Baghdad dan perpustakaan di sekolah al – Mustansiriyyah pada zaman pemerintahan Abbasiyah di Baghdad.
- f. Perpustakaan separuh awam juga didirikan oleh khalifah – khalifah dan raja – raja. Antaranya ialah perpustakaan ‘Adudu al – Daulah di Syiraz dan perpustakaan Sanianid yang pernah dikunjungi oleh Ibnu Sina, seorang ahli falsafah Islam terkenal. Keahlian perpustakaan jenis ini hanya dikhaskan kepada orang yang berpangkat dan terkenal sahaja.

C. KESIMPULAN : (2 Markah)

Apa saja yang berkaitan.

* Permarkahan secara impression

14. JELASKAN SUMBANGAN TAMADUN ISLAM DALAM BIDANG INTELEKTUAL.

A.PENGENALAN (3 Markah)

- 1. Konsep tamadun Islam**
- 2. Latar belakang tamadun Islam.**
- 3. Definisi tamadun**
- 4. Definisi Intelektual**

5. Jenis dan sumber ilmu Islam

B. ISI-ISI PENTING (10 Isi X 2 Markah = 20 Markah)

SUMBANGAN INTELEKTUAL TAMADUN ISLAM

1. Sumbangan Dalam Bidang Keagamaan

Sumbangan yang paling besar ialah dan aspek **agama** kerana agama Islam membawa akidah, iaitu kepercayaan terhadap Allah Yang Maha Esa. Menerusi akidah, manusia bebas hidup tanpa ada sesuatu yang ditakutinya kecuali Allah. Akidah juga menjadi aspirasi bagi manusia untuk bekerja secara ikhlas dan jujur. Oleh sebab sifatnya sarwajagat dan tidak terbatas-batas bangsa, kaum, keturunan dan geografi menyebabkan agama Islam dapat diterima oleh semua bangsa di dunia. Inilah antara sebab agama dan tamadun Islam berkembang di seluruh dunia.

2. Sumbangan Dalam Bidang Undang-Undang dan Cara Hidup.

Di samping itu, **agama Islam juga menyediakan peraturan hidup** yang menjadi asas pembinaan tamadun manusia. Undang-undang Syariat menunjuk ajar serta memberi kaedah yang jelas kepada asas pembinaan tamadun. Antara asas itu ialah ilmu, iman dan amal. Ini ditambah pula dengan aspek akhlak, iaitu asas kepada pembinaan peribadi yang luhur. Kesepaduan ketiga-ketiga aspek itu akan membentuk insan yang sempurna yang merangkumi rohani, akal dan jasmani. Dengan ketibaan ajaran Islam, masyarakat Eropah tidak lagi terikat dengan kawalan atau sekatan Paus gereja Rom. Dalam bidang kemasyarakatan **konsep keadilan**, hak individu serta penyertaan rakyat memberi pendapat, memberi layanan baik terhadap tawanan perang, etika peperangan seperti melindungi nyawa kanak-kanak, orang tua dan kaum wanita yang dianjurkan oleh Islam merupakan nilai baru bagi mereka. Tokoh-tokoh yang dicontohi dalam aspek keadilan sosial ialah Nabi Muhammad (saw) dan para sahabatnya termasuk Abu Bakar, 'Umar, 'Uthman dan

'Ali.

3. Sumbangan Dalam Bidang Falsafah Dan Pemikiran

Dalam bidang **falsafah dan pemikiran**, orang Eropah dapat membebaskan pemikiran mereka yang selama ini dibelenggu oleh pelbagai doktrin Kristian terutama sekali hubungan manusia dengan alam. Manusia tidak lagi dipandang sebagai makhluk yang pasif lantaran dosa warisan. Perubahan sikap ini akhirnya melahirkan satu gerakan intelektual yang dikenali sebagai faham humanisme pada abad ke-13M. Tokoh-tokoh falsafah Islam yang dicontohi oleh orang Eropah ialah *al-Kindi*, *al-Farabi*, *Ibn Tufayl* dan *Ibn Rushd*.

4. Sumbangan Dalam Bidang Ekonomi

Orang Eropah juga mendapat pengetahuan dalam bidang **ekonomi** seperti kegiatan perdagangan, perindustrian, teknologi pertanian serta sistem perairan. Teknik tanaman seperti sekoi, padi, tembikai, aprikot dan limau telah dipelajari daripada orang Islam. Tokoh-tokoh Islam yang dicontohi ialah Ibn Baytar dan al-Ghafiqi. Dalam bidang **perkilangan**, misalnya kilang membuat senjata di kota-kota besar Islam seperti Cordova dan Baghdad telah memberikan sumbangan besar kepada Eropah.

5. Sumbangan Dalam Bidang Perubatan

Tokoh-tokoh Islam yang terkenal dalam **bidang perubatan** ialah *al-Razi* dan *al-Asrar*. Al-Razi telah menghasilkan buku berjudul *al-Hawi*. Buku ini telah dijadikan rujukan di Eropah dalam bidang kimia. Begitu juga buku *Ibn Sina* berjudul *al-Qanun* menjadi bahan rujukan di Eropah.

6. Sumbangan Dalam Bidang Matematik.

Dalam bidang **matematik** pula, ramai penuntut Eropah yang datang belajar ke Andalus pada zaman pemerintahan Islam. Kebanyakan mereka telah menjadi pakar

dalam bidang tersebut, antaranya *Adelard* dan *Morley* dari Britain. Adelard telah berguru dengan orang Islam dan beliau telah menterjemahkan karya *al-Khawarizmi* yang menulis tentang teori geometri dalam matematik dan statistik. Beliau telah menggunakan nombor Arab dalam terjemahannya.

7. Sumbangan Dalam Bidang Astronomi

Dalam bidang **astronomi** terdapat beberapa karya karangan *Abu Ma'syar* dan *al-Khawarizmi*. Karya mereka telah diterjemahkan ke bahasa Latin oleh *Adelard of Bath* dan *John of Siville*. Karya al-Battani juga telah diterjemahkan ke dalam bahasa *Latin* oleh *Alfonso X*. Umat Islam juga telah berjaya mencipta kompas yang digunakan dalam pelayaran di laut. Dengan itu pelayaran di laut dan kegiatan perdagangan telah berkembang dengan lebih pesat. *Muhammad bin Musa* telah mencipta astrolab (jam matahari). Beliau juga mencipta sebuah alat yang dapat mengukur bulatan dunia. Pada abad ke-12M, *Abu Solet* telah mencipta sebuah alat yang dapat menimbulkan semula kapal yang sudah tenggelam.

8.Sumbangan Dalam Bidang Botani

Dalam bidang **botani** pula, umat Islam telah memberi sumbangan yang besar. Di kota-kota besar seperti Cordova, Kaherah, Baghdad dan Fez terdapat taman bunga yang cantik dan indah. Menurut Sarton, pencapaian umat Islam dalam bidang botani adalah jauh lebih hebat daripada pencapaian yang pernah diwarisi bangsa Yunani. Pada abad ke-12M, *Ibn Arabi* telah menulis sebuah buku tentang botani. *Al-Ghafiqi* dari Cordova telah menerbitkan sebuah buku tentang tumbuh-tumbuhan dan 50 jenis pohon buah-buahan.

9.Sumbangan Dalam Bidang Sains Dan Teknologi

Umat Islam turut **menghasilkan kain dan kertas bermutu tinggi** melalui kemajuan teknologi yang mereka miliki. Dalam bidang pertanian, mereka telah **membina kincir air dan kincir angin**.

10. Sumbangan Dalam Bidang Kesenian

Dalam bidang **seni muzik** pula, pada abad ke-12, didapati karya-karya penting yang dihasilkan oleh orang Islam tentang muzik telah diterjemahkan ke bahasa Latin. Terjemahan ini dilakukan di Toledo. Ahli muzik Eropah, *Franco of Cobogne (1190M)* telah mengikut jejak al-Kindi dalam bidang seni muzik. Setelah itu muncul pula *John of Garland* dengan karyanya berjudul *Ochetus* yang mengkaji tentang nada suara yang diambil daripada kaedah nada suara muzik Arab. Selain itu, Islam juga

11. Sumbangan Dalam Bidang Bahasa Dan Sastera

Dalam **bidang bahasa dan sastera**, banyak karya bahasa dan sastera dalam bahasa Arab telah diterjemahkan ke bahasa-bahasa Eropah. Istilah-istilah Arab seperti *sukkar (sugar)*, kimia (*alchemy*), *arsyek (cheque)* dan banyak lagi telah dipinjam oleh bahasa Eropah.

12.Sumbangan Dalam Bidang Ketenteraan

Dalam bidang **ketenteraan** pula, taktik peperangan yang digunakan oleh tentera Islam sejak zaman Nabi Muhammad (saw) banyak mempengaruhi taktik dan strategi peperangan pada zaman moden.

13. Sumbangan dalam bidang pelayaran dan Geografi

Tokoh-tokoh yang terkenal ialah al-Mas'udi, Ibn Jubayr dan Ibn Battutah

14. Sumbangan Dalam Bidang Geologi.

Al kindi telah menghasilkan pelbagai karya yang menerangkan berbagai-bagai batuan permata yang bernilai dan jenis batuan yang lain.

15. Sumbangan Dalam Bidang Kimia.

Jabir bin Hayyan telah menghasilkan karya berkaitan belerang raksa dan teori keseimbangan

16. Sumbangan Dalam Bidang Kejuruteraan.

Pembinaan terusan sepanjang 10km daripada Sungai Furat di Iraq contohnya Terusan Abu Musa Assyaari dan Sungai Nil dengan Laut Merah contohnya Terusan Amirul Mukminin.

17. Sumbangan Dalam Bidang Sejarah.

Antara tokoh-tokoh adalah Ibnu Khaldun yang banyak menulis tentang persejarahan dan kemasyarakatan seperti di dalam Kitab Al Mukhaddimah

C. KESIMPULAN (2 Markah)

Apa saja yang berkaitan.

15.BINCANGKAN SUMBANGAN SULAIMAN AL MAHRI DAN AL ISTAKHRI DALAM BIDANG PELAYARAN DAN PENEROKAAN.

A. PENGENALAN (3 Markah)

1. Definisi pelayaran dan penerokaan

Menurut Kamus Dewan penerokaan ialah perihal perbuatan, usaha meneroka ke sesuatu tempat.

2. Latar belakang pelayaran dan penerokaan Islam

Penerokaan dan pelayaran Islam menekankan konsep tiga P, iaitu pembebasan, pengislaman dan pengintelektualan dengan tujuan menjaga kebajikan dan keadilan sesuai dengan ajaran Islam.

3. Latar belakang Sulaiman al Mahri

Sulaiman al Mahri berasal dari Maharan, Hadrilmaut (di selatan Arab). Beliau hidup dalam pertengahan awal abad ke-10H / 16M . Beliau ialah pengembara Arab yang terkenal pada awal abad ke-16M.

4. Latar belakang al Istakhri

Nama sebenar ialah Abu Ishaq Ibrahim bin Muhammad al Farisi al Karkhi. Beliau berasal dari Istakh, iaitu sebuah tempat yang terletak di Iran. Al Istakhri hidup pada abad ke -4H.

B. ISI-ISI PENTING (20 Markah)

Sumbangan Sulaiman al Mahri (5 Isi X 2 Markah = 10 Markah)

1.Sumbangan dalam Penerokaan Laluan Pelayaran di semua lautan yang terkenal.

- Laluan pelayaran pertama bermula dari Lautan Hindi melalui Lautan Pasifik, Selat Bering, Lautan Arab, Lautan Atlantik dan memasuki Mediterranean melalui selat Gibraltar.

- Laluan pelayaran kedua bermula dari Lautan Hindi ke Pantai Habsyah, Mozambique, Tanjung Harapan melalui Lautan Atlantik memasuki Mediterranean hingga Selatan Gibraltar. Laluan ini juga digunakan oleh Vasco da Gama.

2. Ilmu Bintang, Cakerawala Dan Takwin

- Risalah Pertama *Qiladat al Shumus fi 'ilm at tarikh* membincangkan tentang pembahagian tahun, bulan, bintang dan matahari. Beliau juga membincangkan tentang taqwim Qibti, Byzantine dan Parsi serta mazhab agama Kristian di Mesir dan Parsi. Terdapat juga perbincangan era sains.

- Risalah Kedua Kitab *Tuhfat al Fuhul fi Tamhid al Usul* membincangkan tentang cakerawala dan bintang, ilmu pelayaran, pelabuhan, dan angin.

3. Penemuan Ilmu Kelautan Dan Angin

Risalah Ketiga *Al Umat al Mahriyah fi Dabt al Ulum al Bahriyah* membincangkan jarak antara bintang dan Khatulistiwa, nama bintang dan laluan laut yang utama. Beliau juga turut membincangkan tentang angin Monsun di Lautan Hindi. Turut dijelaskan sepuluh perkara merbahaya yang harus dielakkan oleh para pelayar.

4. Penemuan Pulau-pulau Dan Tanah Pantai.

Risalah Keempat ialah Kitab *al Minhaj al Fakhir fi Ilmi al Bahr al Zakhir* menceritakan tentang jalan laluan laut di pantai Arab, Makran, Sind, Gujerat, Afrika Timur, Bengal, Siam, Mala, Melaka, Indo-China dan lain-lain. Beliau turut menulis tentang pulau-pulau besar seperti Madagascar, Maldives, Ceylon, Jawa, Sumatera, Borneo dan Celebes. Beliau juga menulis tentang pendaratan dan penemuan di barat India, pantai Arab dan timur Afrika.

5. Bentuk Muka Bumi

Risalah Kelima Kitab *Sharh Tuḥfat al Fuḥul fi Tahhid al Usul* menceritakan tentang langit berbentuk sfera, bintang-bintang, jalan laluan laut, tinggi muka bumi, paras laut serta pergerakan angin.

Sumbangan al Istakhri (5 Isi X 2 Markah = 10 Markah)

1. Sumbangan dalam ilmu geografi

Beliau telah menghasilkan sebuah karya yang terkenal iaitu kitab *Masalik wa al Mamalik* (332H/934M). Karya beliau banyak memuatkan peta-peta dan lebih dikenali sebagai karangan peta.

2. Menghasilkan atlas Islam

Beliau telah melukis semula atlas Islam yang dicipta oleh al Balkhi. Hasil kerja beliau ada kemajuan berbanding Balkhi. Beliau menjumpai kaedah saintifik terhadap pengkajiannya dan telah menghasilkan peta-peta yang lengkap bagi beberapa buah negara.

3. Menghasilkan peta yang lebih tepat.

Ibn Hawqal memuji peta Parsi al Istakhri, tetapi memberi sedikit komen tentang kesilapan al Istakhri dalam menghasilkan peta Sind. Al Istakhri pula memberi komen tentang peta Mesir oleh Ibn Hawqal dan menyatakan peta Maghribi yang dilukis tidak tepat. Hasil kerja mereka saling berhubungan berdasarkan komen dan ulasan mereka. Ini dapat memajukan dan mengembangkan ilmu pemetaan .

4. Sumbangan dalam pelayaran

Beliau banyak melawat tempat negara Arab dan Makkah , Iraq, Khuzistan (Iraq), Daylam, dan Transoxania, Sepanyol dan Sicily.

5. Dorongan kepada Pelayar-pelayar Arab yang Lain

Al Istakhri juga pernah melawat Sepanyol dan Sicily dan pernah berkata, maksudnya : “Tidak ada laut yang lebih daripada Laut Mediterranean di mana terdapat kawasan yang diduduki di kedua-dua belah pantai...” Penerangan ini telah menarik ahli pelayaran Arab yang lain belayar ke wilayah lain. Mereka telah pergi ke Barat dan Selatan Afrika setelah sampai ke Sepanyol dan Tanja. Mereka juga telah pergi belayar ke Itali dan Perancis

C.KESIMPULAN (2 Markah)

Apa-apa sahaja yang berkaitan.

16. “PERJANJIAN AQABAH TELAH MERINTIS JALAN KEPADA PERISTIWA HIJRAH NABI MUHAMMAD SAW DAN UMAT ISLAM DARI MEKAH KE MADINAH”. SEJAUH MANAKAH ANDA BERSETUJU DENGAN PERNYATAAN INI.

A.PENGENALAN (3 Markah)

1. Hijrah berasal dari istilah hajara yang bermaksud pindah. Dalam sejarah Islamiah merujuk kepada perpindahan Nabi Muhammad dan umat Islam dari Mekah ke Madinah pada 622 M. Dalam konteks lain bermaksud hijrah daripada zaman Jahiliah kepada Islam. Peristiwa ini merupakan titik tolak kepada perkembangan Islam lebih meluas. Peringkat awal hijrah secara senyap-senyap tanpa pengetahuan kaum Quraisy. Peringkat kedua hijrah secara terang-terangan oleh Umar Al Khattab. Peringkat ketiga bila Nabi Muhammad bersama Abu Bakar berhijrah selepas bersembunyi di Gua Thur seterusnya sampai di Madinah pada 12 Rabiulawal 622 M.

2. Baiat Aqabah 1 (621 M) ialah perjanjian Nabi Muhammad s.a.w. dengan 12 orang dari Yathrib yang kemudian mereka memeluk Islam. Baiat Aqabah ini terjadi pada tahun kedua belas kenabiannya. Kemudian mereka berbaiat (bersumpah setia) kepada Muhammad. Bai'at 'Aqabah II (622 SM) adalah perjanjian yang dilakukan oleh Muhammad terhadap 73 orang pria dan 2 orang wanita dari Yatrib. Wanita itu adalah Nusaibah bintu Ka'ab dan Asma' bintu 'Amr bin 'Adiy. Perjanjian ini terjadi pada tahun ketiga belas kenabian. Mush'ab bin 'Umair kembali ikut bersamanya beserta dengan penduduk Yathrib yang sudah terlebih dahulu masuk Islam. Perjanjian Aqabah menjadi perintis jalan kepada peristiwa hijrah.

3. Latar Belakang Dakwah Nabi Muhammad Di Makkah

B.ISI-ISI PENTING (7 Isi X 3 Markah = 21 Markah)

Faktor-faktor Penghijrahan :

1.Bai'at Al-Aqabah :

- Faktor asas yang memulakan hijrah kerana dalam Aqabah 2 terdapat jemputan dari pemimpin Madinah agar Nabi datang menjadi pemimpin

mereka. Dalam ikrar itu mereka berjanji untuk berjuang bersama Nabi dan mempertahankan Nabi. Nabi merasakan masanya telah tiba bagi umat Islam untuk keluar dari Mekah. Termeterainya Bai'at Aqabah mempercepat lagi proses Hijrah. Melalui Bai'at ini, Nabi telah dapat menjangka sambutan penduduk Madinah adalah lebih baik. Dalam Bai'at Aqabah pertama, hanya 12 orang yang terlibat manakala dalam Bai'at Aqabah kedua, bilangannya telah meningkat kepada 73 orang. Orang Madinah bukan sahaja mahu menerima Islam tetapi sanggup memberi perlindungan kepada Nabi dan orang Islam.

2.Tekanan Yang Semakin Meningkat Di Mekah :

- Keadaan di Kota Mekah tidak lagi dianggap sebagai kawasan yang sesuai untuk perkembangan Islam kerana setelah 13 tahun baginda berdakwah pelbagai penentangan yang diterima. Suasana di Mekah itu menggambarkan bahawa lama kelamaan keadaan Islam semakin tertekan.

3.Umat Islam Semakin Menderita :

- Tindakan kaumQuraisy semakin hebat. Penyeksaan keatas golongan hamba semakin berleluasa. Malah Nabi sendiri sering menjadi mangsa penyeksaan mereka. Pada 617 hingga 620 M seluruh umat Islam dan Bani Hashim telah dipulaukan daripada segi sosial, ekonomi dan politik. Mereka dilarang berurusan dengan masyarakat Mekah kecuali musim haji. Umat Islam mengalami penderitaan dan ujian yang sangat getir.

4.Penolakan Dakwah di Taif :

- Nabi Muhammad dan hambanya iaitu Zaid bin Harithah pernah cuba menyampaikan Islam ke Taif namun dihina dan diejek dan dilontar dengan batu. Pemimpin Bani Thaqif mempunyai hubungan baik dengan pemimpin Quraisy Mekah.Kegagalan Nabi memberikan gambaran yang pengaruh Quraisy sangat kuat di Taif. Oleh itu Nabi Muhammmad perlu mencari destinasi lain.

5.Kejayaan di Habsyah :

- Sebelum Saidina Umar memeluk Islam umat Islam pernah menuju ke Habsyah untuk berlindung atas saranan Nabi sendiri. Ini kerana Habsyah digelar sebagai bumi kebenaran yang diperintah oleh Raja Najashi yang terkenal adil. Kejayaan ini memberi harapan kepada Nabi bahawa kejayaan yang sama akan dicapai di Madinah. Ini disebabkan masyarakat Hasyah dan Madinah lebih hampir kepada agama langit dan telah biasa dengan soal-soal ketuhanan dosa dan pahala.

6.Kematian Dua Tokoh :

- Pada tahun ke-10 menjadi rasul, Nabi kehilangan 2 orang penyokongnya yang paling setia iaitu isterinya Khadijah dan bapa saudaranya Abu Talib. Kaum Quraisy Mekah menjadi semakin berani untuk bertindak ke atas Nabi. Ini menyebabkan kedudukan Nabi makin terancam dan terdedah kepada tindakan jahat Quraisy.

7.Umat Islam Telah Ramai Di Madinah :

- Kota Madinah sendiri memang sesuai untuk dijadikan markas gerakan Islam yang baru. Ini ekoran peristiwa Aqabah dimana orang-orang Madinah telah berikrar dengan Nabi dan menyebarkan Islam di kalangan keluarga mereka.

8.Penduduk Madinah Lebih Mudah Menerima Islam :

- Penduduk Madinah sendiri lebih mudah menerima Islam berbanding penduduk Mekah. Ini kerana mereka lebih hampir dengan agama Samawi. Selain dari itu di Madinah terdapat keluarga Nabi Muhammad melalui pihak ibu kepada datuk Nabi iaitu Abdul Muttalib dari Bani Najjar.

9.Kedudukan Madinah Yang Strategik :

- Madinah mempunyai kedudukan ditengah-tengah jalan perdagangan antara Yaman di Selatan dan Syam di utara. Kedudukan ini membolehkan Madinah menyaingi Kota Mekah sebagai pusat perdagangan yang baru. Malah kabilah-kabilah Quraisy terpaksa melalui Madinah jika ingin berurusan dengan Palestin atau Syam.

10. Komplot Pembunuhan Ke Atas Nabi :

- Antara faktor penghijrahan yang paling penting ialah terdapat pakatan bunuh yang dirancang oleh kaum Quraisy ke atas Nabi bila mereka mendapati umat Islam semakin berkurangan di Mekah. Pemimpin Quraisy telah mengadakan perbincangan di Darul Nadwah dan mengambil tindakan nekad agar Nabi tidak sempat berhijrah. Ini menyebabkan kedudukan Nabi tidak lagi selamat sekiranya terus di Mekah

11. Wahyu Dari Allah :

- Faktor segera yang mendorong Nabi berhijrah keluar dari Mekah ialah wahyu yang diturunkan Allah dan Surah al Anfal ayat 30 yang memberi peringatan kepada Nabi tentang pakatan Quraisy dan sebagai satu gesaan supaya Nabi berhijrah.

13. Faktor Penerusan Dakwah Islam

Hijrah bertujuan untuk mengembangkan dakwah Islam di Madinah dan seluruh Semenanjung Tanah Arab.

C. KESIMPULAN (1 Markah)

Apa-apa sahaja yang berkaitan.

Hijrah Nabi adalah satu peristiwa yang mempunyai signifikansi yang sangat besar dalam sejarah perjuangan Islam. Hijrah jelas telah membawa banyak pembaharuan dalam perkembangan Islam. Hijrah merupakan titik peralihan yang amat penting bagi Nabi dan agama Islam. Penghijrahan ini membawa kepada kemenangan umat Islam dalam semua aspek kehidupan.